

**PENGURUSAN SAUDARA BARU DI PERKIM**

**NUR NAZIHAH BINTI ZAIDAN**

**(PID16181)**

**FAKULTI PENGAJIAN ISLAM**

**JABATAN DAKWAH DAN PENGURUSAN**

**KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PAHANG SULTAN AHAMD SHAH**

**2019**

## **PENGURUSAN SAUDARA BARU DI PERKIM**

NUR NAZIHAH BINTI ZAIDAN

Kertas Projek Yang Dikemukakan untuk memenuhi Sebahagian daripada Syarat untuk  
dianugerahkan Diploma

**FAKULTI PENGAJIAN ISLAM**

**JABATAN DAKWAH DAN PENGURUSAN**

**2019**

## **ISI KANDUNGAN**

<b>PERKARA</b>	<b>HALAMAN</b>
<b>Pengakuan</b>	<b>I</b>
<b>Akuan Penyelia</b>	<b>II</b>
<b>Penghargaan</b>	<b>III-IV</b>
<b>Abstrak</b>	<b>V</b>

### **BAB 1 : PENDAHULUAN**

1.0 Pengenalan	1-2
1.1 Permasalahan Kajian	2-3
1.2 Persoalan Kajian	3
1.3 Objektif Kajian	4
1.4 Limitasi Kajian	4
1.5 Kepentingan Kajian	5
1.6 Metodologi Kajian	
1.6.1 Kajian Perpustakaan	5-6
1.6.2 Kajian Lapangan	
1.6.2.1 Temubual	6
1.7 Definisi Operasi Kajian	7
1.8 Kajian Lepas	8

1.9 Kesimpulan	9
----------------	---

## **BAB 2 : SAUDARA BARU**

2.0 Pengenalan	10-11
2.1 Konsep Saudara Baru menurut Islam	11-12
2.2 Konsep Saudara Baru menurut Bahasa	12-14
2.3 Konsep Saudara Baru menurut Tafsiran Semasa	14-16
2.4 Pendidikan Akidah dalam Kalangan Saudara Baru di Malaysia	16-17
2.5 Gejala Murtad dalam Kalangan Saudara Baru di Malaysia	18-20
2.6 Cabaran Saudara Baru Selepas Memeluk Islam	20-23
2.7 Kegagalan Saudara Baru Untuk Menangani Cabaran Hidupnya	23-25
2.8 Kesimpulan	25-26

## **BAB 3 : PERTUBUHAN KEBAJIKAN ISLAM MALAYSIA**

### **(PERKIM)**

3.0 Pengenalan	27-28
3.1 Tunku dan Perkim	28-32
3.2 Sejarah Penubuhan Perkim di Malaysia	32-33
3.3 Objektif Pertubuhan	33-34
3.4 Badan Gabungan Perkim	34-39

3.5 Sumbangan Perkim	39-41
3.6 Kesimpulan	41-42

**BAB 4 : KOMITMEN PERTUBUHAN KEBAJIKAN ISLAM  
MALAYSIA (PERKIM) DALAM MENGURUS SAUDARA  
BARU**

4.0 Pengenalan	43
4.1 Pengurusan Perkim terhadap Saudara Baru pada Peringkat Awal PengIslamam Mereka	44
4.2 Faktor-Faktor Penyebab pengIslamam Saudara Baru	44-45
4.3 Kaedah yang digunakan oleh pihak Perkim dalam Membantu Golongan Saudara Baru	45-46
4.4 Masalah-Masalah yang dihadapi oleh pihak Perkim dalam Menguruskan Saudara Baru	46-47
4.5 Kesimpulan	47

**BAB 5 : RUMUSAN DAN CADANGAN**

5.0 Pengenalan	48
5.1 Rumusan Kajian	49
5.2 Cadangan Kajian	50
5.3 Penutup	51

**BIBLIOGRAFI**

52

**LAMPIRAN**

53-56

## **PENGAKUAN**

“Saya akui bahawa karya ini ialah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan, sedutan-sedutan dan ringkasan-ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumber asalnya.”

Tandatangan : .....

Nama Calon : Nur Nazihah Binti Zaidan

No Matrik : PID16181

Tarikh : .....

Fakulti Pengajian Islam

Jabatan Dakwah dan Pengurusan

Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah

## **AKUAN PENYELIA**

Kertas projek ini telah diluluskan dan diterima oleh :

Tandatangan : .....

Nama Penyelia : Dr. Ahmad Effat bin Mokhtar

Tarikh : .....

Fakulti Pengajian Islam

Jabatan Dakwah dan Pengurusan

Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah

## **PENGHARGAAN**

Assalamualaikum w.b.t

Maha suci Allah SWT Tuhan sekalian alam, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW atas keizinan-Nya memberi peluang dan ruang untuk penulis menyiapkan kertas projek dalam masa yang ditetapkan dan sekaligus menjadikan sebuah buku yang mampu memberi sedikit perkongsian ilmu kepada umum.

Penulis juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dr. Ahmad Effat bin Mokhtar selaku penyelia kertas projek ini yang banyak memberikan tunjuk ajar, bimbingan serta menyemaknya sehingga berjaya disiapkan.

Selain itu, penulis juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua ibu bapa yang banyak menyokong dan memberi sokongan moral sepanjang tempoh kertas projek ini dibuat. Tidak lupa juga kepada pensyarah-pensyarah yang banyak membantu memberikan tunjuk ajar semasa tempoh menyiapkan kertas projek ini. Segala budi yang dihulur tidak akan dilupakan.

Akhir sekali, penulis berharap kajian ini dapat memberikan manfaat kepada umum khususnya pengkaji yang ingin mendalaminya pada masa akan datang. Sesungguhnya yang baik itu semunya datang daripada Allah, dan yang kurang itu dari kelemahan diri penulis sendiri. Semoga dengan terbitnya sumbangan ini dapat mmeberikan manfaat dan ilmu yang baik kepada siswa dan siswi.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

.....

(Nur Nazihah binti Zaidan)

## **ABSTRAK**

Kajian ini yang bertajuk ‘Pengurusan Saudara Baru di PERKIM’ adalah memfokuskan kepada golongan saudara baru dan pengurusan PERKIM. PERKIM adalah salah satu organisasi yang memfokuskan dan menjalankan aktiviti mereka untuk membantu golongan-golongan yang memerlukan termasuk golongan saudara baru. Tujuan utama kajian ini dilakukan ialah bagi melihat pengurusan PERKIM terhadap saudara baru pada peringkat awal pengIslam mereka, faktor-faktor penyebab pengIslam saudara baru, kaedah yang diguna pakai oleh pihak PERKIM dalam membantu golongan saudara baru, dan bagi mengetahui masalah yang dihadapi oleh PERKIM semasa mengurus golongan saudara baru ini. Setiap yang dilakukan oleh pihak PERKIM bersesuaian dengan keperluan saudara baru kerana bantuan yang diberikan bukan sahaja memfokuskan kepada kerohanian semata-mata tetapi juga memfokuskan kepada kehidupan seharian saudara baru itu sendiri. Pengurusan-pengurusan sebegini yang diselidiki oleh penyelidik untuk masyarakat lebih mengetahui peranan PERKIM yang sebenar dalam menguruskan golongan saudara baru. Kajian terbahagi kepada lima bab iaitu bab yang pertama menerangkan keseluruhan kajian ini Bab kedua pula memfokuskan kepada saudara baru itu sendiri iaitu bagaimana saudara baru ini menghadapi cabaran-cabaran memeluk Islam. Bab ketiga memfokuskan kepada latar belakang PERKIM. Bab keempat menjuruskan kepada bagaimana PERKIM mengurus saudara baru dan bab yang terakhir merumuskan kepada keseluruhan kajian.

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.0 PENGENALAN

Saudara baru atau lebih dikenali sebagai mualaf dalam kalangan masyarakat kita merupakan golongan yang baru sahaja menganut agama Islam. Iman mereka masih perlu disokong dan dikukuhkan. Golongan saudara baru ini juga merupakan antara golongan yang paling penting dalam mengembangkan agama Islam dalam sejarah Islam. Adalah satu tanggungjawab umat Islam untuk membantu saudara baru ini dari pelbagai segi terutamanya dalam menjalankan kehidupan seharian mereka berteraskan Islam sehingga mereka mampu untuk berdikari sendiri.

Firman Allah di dalam Surah al-Hujurat ayat 10 :

Maksudnya :

*“Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.”<sup>1</sup>*

Daripada maksud ayat di atas, dapatlah disimpulkan bahawa tidak kira dilahirkan sebagai Islam atau baru sahaja memeluk agama Islam apabila namanya Islam maka bersaudara antara satu sama lain. Oleh yang demikian, masyarakat Islam berusaha untuk membantu saudara-saudara baru ini sehabis mampu supaya mereka tidak terasa terasing dalam agama

---

<sup>1</sup> Surah al-Hujurat . 49. Ayat 10

mereka sendiri. Banyak badan-badan kerajaan maupun badan bukan kerajaan (NGO) di Malaysia yang menitikberatkan soal saudara baru ini dan berusaha dalam membantu mereka untuk meneruskan kehidupan sebagai seorang Islam yang baik. Salah satu NGO yang berusaha dalam membantu golongan saudara baru ini ialah Persatuan Kebajikan Islam Malaysia atau lebih dikenali dengan panggilan PERKIM.

## **1.1 PERMASALAHAN KAJIAN**

Dewasa ini, pelbagai cabaran yang harus dilalui oleh golongan saudara baru untuk meneruskan kehidupan mereka. Kadang kala golongan saudara baru ini seakan banduan terbuang kerana mereka tidak dipedulikan oleh sesiapa. Apabila sudah memeluk Islam mereka dibiar untuk mengurus diri sendiri. Selain daripada itu ada juga golongan saudara baru ini dibuang keluarga kerana memeluk Islam. Hal yang sebegini kadang-kadang menyebabkan mereka kembali kepada agama asal mereka semula kerana tiada yang membantu dalam usaha mereka untuk terus kekal istiqamah hidup cara Islam. Badan seperti PERKIM mengambil kesempatan ini untuk turut serta dalam membantu mereka yang memerlukan dengan merancang pelbagai perkara bagi memudahkan kehidupan mereka setelah memeluk Islam.

Daripada permulaan mereka memeluk Islam sehingga mereka mampu untuk berdiri di atas kaki sendiri PERKIM memainkan peranan yang amat luas skopnya dalam menguruskan golongan saudara baru ini. Pengurusan yang sistematik semestinya elemen yang penting dalam setiap organisasi bagi memastikan setiap perkara yang dirancang dapat dilaksanakan dengan baik. Sama seperti PERKIM pasti setiap program dan aktiviti dirancang dengan baik bagi mewujudkan kesenangan di hati saudara-saudara baru ini setelah mereka memeluk Islam.

Perkara sebegini akan memastikan mereka tidak berasa sendiri dan mempercayai masih terdapat masyarakat yang peduli akan nasib mereka dan sentiasa ingin membantu.

Pihak pengurusan PERKIM berusaha untuk memastikan golongan saudara baru ini terbela. Hal ini dapat dilihat melalui usaha pihak PERKIM dalam menjalankan segala aktiviti dan program yang sesuai untuk semua golongan saudara baru. Tidak hanya fokus kepada aktiviti kerohanian semata-mata namun pihak PERKIM juga berusaha dalam meningkatkan aktiviti sosial dengan turun ke masyarakat dan memberi bantuan semampu mereka. Perkara sedemikian sedikit sebanyak dapat melegakan hati saudara baru kerana perhatian yang diberikan kepada mereka dalam mereka menempuh kehidupan sebagai seorang Muslim dengan cabaran-cabaran yang mendatang.

## **1.2 PERSOALAN KAJIAN**

- 1.2.1 Apakah pengurusan PERKIM terhadap saudara baru pada peringkat awal pengislamatan mereka?
- 1.2.2 Apakah faktor-faktor penyebab pengislamatan saudara baru?
- 1.2.3 Apakah kaedah yang diguna pakai oleh pihak PERKIM dalam membantu golongan saudara baru?
- 1.2.4 Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak PERKIM dalam menguruskan saudara baru?

### **1.3 OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian adalah seperti berikut :

- 1.3.1 Mengkaji pengurusan Perkim terhadap saudara baru pada peringkat awal pengislaman mereka.
- 1.3.2 Mengetahui faktor-faktor penyebab pengislaman saudara baru.
- 1.3.3 Menganalisis kaedah yang diguna pakai oleh pihak PERKIM dalam membantu golongan saudara baru.
- 1.3.4 Mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak PERKIM dalam menguruskan saudara baru.

### **1.4 LIMITASI KAJIAN**

Kajian ini akan memperlihatkan bagaimana pengurusan yang dijalankan oleh pihak PERKIM dalam mengurus saudara baru. Bagaimana organisasi ini menjalankan tanggungjawabnya dalam membantu golongan saudara baru yang masih memerlukan bantuan. Skop kajian ini lebih menjurus kepada pengurusan saudara baru semasa peringkat awal pengislaman mereka, faktor-faktor pengislaman saudara baru dan bagaimana PERKIM mengendalikan setiap permasalahan yang timbul serta tindakan yang dilakukan di dalam pengurusan ini.

## **1.5 KEPENTINGAN KAJIAN**

- 1.5.1 Kajian ini adalah untuk menyumbang kepada ilmu pengetahuan terutamanya mengenai pengurusan saudara baru.
- 1.5.2 Kajian ini juga mampu dijadikan bahan ilmiah kepada pengamal di dalam bidang pengurusan ini.
- 1.5.3 Kajian ini berguna dalam pembentukan polisi sesuatu organisasi.
- 1.5.4 Kajian ini dapat dijadikan sebagai rujukan untuk kemudahan pelajar-pelajar.

## **1.6 METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini dilakukan dalam bentuk kajian kualitatif iaitu kajian perpustakaan dan kajian lapangan yang merupakan sesi temubual dengan pihak PERKIM. Tujuan metod ini dilaksanakan bagi mendapatkan fakta-fakta yang mampu memenuhi persoalan dan objektif kajian. Hal ini adalah untuk memastikan kajian ini sempurna sebagai kajian ilmiah yang berkualiti.

### **1.6.1 Kajian Perpustakaan**

Kajian Perpustakaan ini dilaksanakan dengan kaedah mencari bahan-bahan rujukan perpustakaan dalam bentuk ilmiah seperti buku, artikel, jurnal, akhbar dan majalah. Metod yang digunakan di dalam kajian perpustakaan ini ialah metod dokumentasi iaitu metod yang berpandukan kepada penelitian dokumen-dokumen yang berkaitan dengan tajuk yang dikaji.

Penulis perlu mengumpulkan fakta-fakta yang selari dan sesuai dengan tajuk dan membantu dalam menjawab objektif kajian.

Dokumen bermaksud bahan bertulis yang dapat memberi keterangan. Metod ini digunakan semasa mengumpul data dan maklumat yang bersesuaian berdasarkan bahan-bahan rujukan seperti akhbar dan buku. Melalui maklumat yang terkumpul, penulis akan menyelidik dan mengolah supaya relevan untuk dimasukkan sebagai maklumat kajian.

### **1.6.2 Kajian Lapangan**

Sebahagian daripada data yang digunakan di dalam kajian ini ialah melalui kajian lapangan. Metod kajian yang digunakan dalam kajian lapangan ini ialah kajian kualitatif iaitu melakukan sesi temubual bersama pihak PERKIM HQ bagi mendapatkan maklumat tentang pengurusan saudara baru. Temubual telah dijalankan pada 24 Januari 2019 di pejabat PERKIM HQ Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

#### **1.6.2.1 Temubual**

Metod kajian ini dilaksanakan bagi mendapatkan maklumat tambahan mengenai saudara baru daripada pihak PERKIM. Penulis telah menemubual pihak PERKIM dan sekaligus melihat dokumen-dokumen berkaitan statistik pengislaman saudara-saudara baru. Soalan-soalan yang ditanya adalah berkaitan sepenuhnya dengan pengurusan PERKIM terhadap saudara baru dan selari dengan objektif kajian.

## **1.7 DEFINISI OPERASI KAJIAN**

### **1.7.1 Definisi Pengurusan**

Pengurusan adalah perihal (kerja dan sebagainya) mengurus sesuatu, perihal mengurus (syarikat, badan perniagaan, dan lain-lain).<sup>2</sup>

### **1.7.2 Definisi Saudara Baru**

Saudara baru atau mualaf, orang yang baharu masuk Islam.<sup>3</sup>

### **1.7.3 Definisi PERKIM**

Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) adalah satu pertubuhan dakwah di Malaysia yang aktif dan menonjol. Ianya merupakan pertubuhan yang melaksanakan aktiviti dan dakwah berteraskan kebajikan kepada semua kaum tanpa mengira agama dan bangsa. Penubuhannya adalah bertujuan untuk membantu saudara-saudara Islam supaya mendapat bimbingan dan tunjuk ajar yang betul serta dapat memahami ajaran Islam dengan lebih mendalam.<sup>4</sup>

---

<sup>2</sup> Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

<sup>3</sup> Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan

<sup>4</sup> <https://www.perkim.net.my>[6 Mac 2019]

## 1.8 KAJIAN LEPAS

Berdasarkan kajian lepas yang telah dibuat oleh Adam Corrie seorang saudara baru menyatakan dalam bukunya bahawasanya di Malaysia sering menggelar mualaf sebagai saudara baru dan saudara kita. Gelaran ini seolah-olah membuka ruang untuk membezakan Muslim yang dilahirkan di dalam keluarga Islam dengan yang masuk Islam. Sebahagian mualaf tidak menyukai gelaran tersebut dan menimbulkan jurang antara saudara baru dengan Muslim yang lahir dalam keluarga Islam.<sup>5</sup>

Berdasarkan Yussamir Yusof, pada tahun 2004 mengikut statistik di laman web Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, jumlah saudara baru atau mualaf di Malaysia adalah seramai 7377 orang. Malah angka itu semakin bertambah dari sehari ke sehari. Pertambahan ini menunjukkan ajaran Islam itu sendiri telah berjaya menarik minat penganut agama lain untuk mengetahui, memahami lantas menerimanya sebagai pegangan hidup baru mereka.<sup>6</sup>

Sulaiman Dufford dalam bukunya menyatakan sebilangan besar saudara baru atau mualaf menerima agama baru masing-masing melalui pengembalaan, lazimnya melalui pengembalaan ke luar negara. Jarang-jarang berlaku pertukaran agama jika seseorang menetap di tempat asalnya.<sup>7</sup>

---

<sup>5</sup> Adam Corrie (2015), *Ada Iman, Baru Syok, Ada Fight*, Mustread Sdn Bhd, Selangor.

<sup>6</sup> Yussamir Yusof (2010), *Akidah Kita Nyawa Kita*, Grup Buku Karangkraf Sdn Bhd, Selangor.

<sup>7</sup> Sulaiman Dufford (2010), *Liku-liku Pencarian Nur Islam*, Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad, Kuala Lumpur.

## **1.9 KESIMPULAN**

Bab ini memberi gambaran secara menyeluruh mengenai cabaran yang dihadapi oleh saudara baru atau mualaf setelah mereka memeluk Islam. Melalui permasalahan kajian, dapat dilihat bahawa golongan saudara baru ini mempunyai pelbagai masalah setelah mereka memeluk agama Islam. Di sini memperlihatkan peranan PERKIM sebagai salah satu badan (NGO) yang aktif dalam membantu saudara baru menjalankan tugas mereka. Pengurusan yang sistematik dan tersusun yang dilaksanakan oleh PERKIM sedikit sebanyak membantu dalam menguruskan golongan saudara baru ini.

Seterusnya, persoalan kajian dan objektif kajian ini menjuruskan kepada mengkaji pengurusan saudara baru di peringkat awal pengIslamam mereka, faktor-faktor pengIslamam mereka, kaedah yang diguna pakai oleh pihak PERKIM dalam membantu saudara baru dan masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak PERKIM dalam menguruskan saudara baru. Kaedah kajian ini ialah kajian kaulitatif yang menjuruskan kepada kaedah lapangan. Penyelidik melakukan sesi temubual dan kajian perpustakaan.

## **BAB 2**

### **SAUDARA BARU**

#### **2.0 PENGENALAN**

Saudara baru atau mualaf merupakan sebahagian daripada masyarakat majmuk di Malaysia yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan kaum yang telah memeluk agama Islam. Mereka adalah antara golongan yang diberi perhatian yang khusus di dalam Islam sehingga dijanjikan oleh Allah SWT di dalam al-Quran berhak mendapat zakat agar hati mereka terus teguh dan lembut untuk mengamalkan ajaran Islam. Islam juga telah menjelaskan bahawa mualaf adalah saudara baru Muslim yang harus dipelihara dan dibentuk dirinya agar menjadi seorang Muslim yang kuat hatinya dari sudut pegangan akidah, akhlak dan sosial dalam masyarakat. Sehubungan itu, pendidikan akidah merupakan tuntutan utama dalam pembinaan diri mualaf agar kehidupan mereka jelas dan tidak terumbang ambing apabila berhadapan dengan pelbagai cabaran selepas memeluk Islam.<sup>8</sup>

Terdapat pelbagai pertubuhan Islam yang terdiri daripada Kerajaan dan bukan Kerajaan berperanan untuk membimbing aspek kehidupan beragama, memelihara kebajikan dan keperluan Mualaf. Pertubuhan yang wujud ini telah mengambil tanggungjawab fardhu kifayah

---

<sup>8</sup> Ahmad Yunus Kasim, Samsuddin Abdul Hamid & Misnan Jemali (2017), *Jurnal Perspektif : Pengajaran Akidah dalam Kalangan Mualaf di Institut Dakwah Islamiyah PERKIM*, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

tersebut agar masyarakat mualaf di negara ini mendapat bimbingan, perlindungan dan kebijakan yang sewajarnya.<sup>9</sup>

## **2.1 KONSEP SAUDARA BARU MENURUT ISLAM**

Saudara baru atau saudara Muslim merupakan mereka yang telah bertukar pegangan agama dan kepercayaan kepada agama Islam. Mereka yang telah dijinakkan hatinya dengan Islam ini sangat memerlukan perhatian, bimbingan dan dorongan yang sewajarnya dalam memahamkan mereka berkenaan agama, terutama hal-hal akidah dan ibadat asas seperti konsep bersuci, mandi, solat, puasa dan sebagainya. Hal ini disebabkan oleh taklifan syarak yang dipertanggungjawabkan ke atas mereka sebaik sahaja mereka melafazkan syahadah. Malangnya, seringkali berlaku dalam masyarakat jurang yang membezakan golongan mualaf dengan golongan Muslim asal berpunca daripada beberapa faktor. Antara faktornya ialah penggunaan istilah yang kurang mesra dan boleh menimbulkan perasaan tidak senang dalam kalangan mualaf.<sup>10</sup>

Perkataan mualaf atau saudara baru ada disebut dalam al-Quran melaui firman Allah SWT dalam ayat 60 surah al-Tawbah :

---

<sup>9</sup> Ibid, Ahmad Yunus Kasim, Samsuddin Abdul Hamid & Misnan Jemali (2017)

<sup>10</sup> Irwan, M.S. Azman, A.R, Mahazan, A.M, Nuradli Ridzwan Shah, M.D, Wan Mohd. Fazrul Azdi, W.R, Rose Irnawaty, Ibrahim, Siti Nurunnajwa Shamsudin, Nusaibah Anuar Musaddad, Norlina Ismail (2015), Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa, *Penerimaan Penggunaan Istilah Mualaf dalam Kalangan Mualaf di Malaysia*, Vol.6.

Maksudnya :

“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang mualaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya, dan orang-orang yang ber hutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah SWT, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) daripada Allah SWT. Dan (ingatlah) Allah SWT amat mengetahui lagi amat bijaksana.”<sup>11</sup>

Mualaf di dalam ayat disebut sebagai “*mu'allafah qulubuhum*” yang merupakan golongan keempat dalam asnaf zakat. Walau bagaimanapun, istilah ini jarang sekali digunakan sama ada dalam penulisan ilmiah maupun penggunaan harian oleh orang awam. Istilah yang sering digunakan ialah ‘mualaf’.<sup>12</sup>

## 2.2 KONSEP SAUDARA BARU MENURUT BAHASA

Pakar-pakar bahasa mendefinisikan saudara baru dengan definisi yang pelbagai. Perkataan *qulubuhum* merupakan gabungan dua perkataan iaitu *qulub* dan *hum*. *Qulub* berasal daripada *qalaba*, *yaqlibu*, *qalban*, yang bermaksud menterbalikkan atau mengubah bahagian luar ke dalam. *Qulub* ialah kata majmuk bagi *qalb* yang bermaksud : ketulan jantung yang mempunyai

---

<sup>11</sup> Surah al-Tawbah . 9. Ayat 60

<sup>12</sup> Ibid, Irwan, M.S. Azman, A.R, Mahazan, A.M, Nuradli Ridzwan Shah, M.D, Wan Mohd. Fazrul Azdi, W.R, Rose Irnawaty, Ibrahim, Siti Nurunnajwa Shamsudin, Nusaibah Anuar Musaddad, Norlina Ismail (2015)

sambungan urat darah. Perkataan *qalb* juga boleh digunakan sebagai kiasan bagi akal. Firman Allah SWT menyebut bahawa :

Maksudnya :

“*Sesungguhnya perkara tersebut merupakan peringatan bagi orang yang mempunyai qalb (akal)*”

Ibnu Manzur dalam *Lisan al-'Arab* telah mentafsirkan saudara baru sebagai satu perkataan yang berasal dari kata dasar *allafa* yang mempunyai maksud yang pelbagai. *Allafa* boleh membawa maksud menjadikan sesuatu angka kepada unit ribu, mengumpulkan sesuatu dengan yang lain, dan mengarang kitab. Ahmad Mukhtar Umar dan Kumpulan pengarang-pengarang lain melaui kamus mereka *al-Mu'jam al-'Arabiyy al-'Asasiyy* perkataan saudara baru ini berasal daripada kalimah *alafa-ya'lifu-mualafatan* yang bermaksud jinak, dia menjinakkan dan yang dijinakkan. Dan kalimah saudara baru itu terbahagi kepada dua pengertian, iaitu mereka yang baru memeluk Islam atau juga sesuatu yang ditulis dan dikarang seperti buku kerana itu bererti pengarang.<sup>13</sup>

Idris al-Marbawi; sarjana Nusantara Melayu yang tersohor mendefinisikan saudara baru sebagai orang yang baru (memeluk) Islam. Perkataan saudara baru (mualaf) daripada perkataan *alifa, ya'lifu, ilfan*. *Alifahu* pula bermaksud suka atau gemar akan dia atau menjinaki. Manakala

---

<sup>13</sup>Ibid, Irwan, M.S. Azman, A.R, Mahazan, A.M, Nuradli Ridzwan Shah, M.D, Wan Mohd. Fazrul Azdi, W.R, Rose Irnawaty, Ibrahim, Siti Nurunnajwa Shamsudin, Nusaibah Anuar Musaddad, Norlina Ismail (2015)

*allafa baynahum* bermaksud memperkasihkan antara mereka itu. Saudara baru di dalam Kamus Dewan bermaksud orang yang baru memeluk Islam atau saudara baru.<sup>14</sup>

### **2.3 KONSEP SAUDARA BARU MENURUT TAFSIRAN SEMASA**

Saudara baru pada masa kini dikenali melalui pelbagai istilah yang dianggap lebih mesra digunakan dalam usaha mendekati golongan ini. Antaranya ialah saudara Muslim, atau saudara kita, saudara Islam dan sebagainya. Kesemua istilah ini membawa naksud yang sama, yang berbeza hanya istilah yang digunakan. Wahbah al-Zuhayliyy dalam kitabnya menyatakan termasuk di dalam golongan mualaf ialah orang yang masih lemah niatnya di dalam Islam, dan perlu diberikan zakat supaya lebih teguh Islam mereka. Golongan ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu mualaf Islam dan kafir. Hal ini kerana sabit di dalam sirah bahawa Nabi SAW memberi zakat kepada sekumpulan orang bukan Islam bertujuan menjinakkan hati mereka supaya mereka memeluk Islam.<sup>15</sup>

Saudara baru ialah orang yang dipujuk dan dijinakkan hatinya dengan harapan dapat menguatkan pegangan mereka terhadap ajaran Islam atau orang yang dipujuk supaya tertarik untuk memeluk Islam menurut Amran Kasimin. Sebagai perbandingan, definisi yang dinyatakan oleh Dusuki bin Haji Ahmad menyebut, saudara baru adalah orang yang baru

---

<sup>14</sup> Ibid, Irwan, M.S. Azman, A.R, Mahazan, A.M, Nuradli Ridzwan Shah, M.D, Wan Mohd. Fazrul Azdi, W.R, Rose Irnawaty, Ibrahim, Siti Nurunnajwa Shamsudin, Nusaibah Anuar Musaddad, Norlina Ismail (2015)

<sup>15</sup> Ibid, Irwan, M.S. Azman, A.R, Mahazan, A.M, Nuradli Ridzwan Shah, M.D, Wan Mohd. Fazrul Azdi, W.R, Rose Irnawaty, Ibrahim, Siti Nurunnajwa Shamsudin, Nusaibah Anuar Musaddad, Norlina Ismail (2015)

memeluk agama Islam. Imannya belum teguh dan mereka berhak menerima sebahagian tertentu daripada harta zakat. Ahmad Redzuwan Mohd Yunus dan Nur Kareelawati Abd Karim, mentakrifkan saudara baru adalah kalangan manusia yang baru memeluk Islam dan berhak mendapat zakat dan pemberian tersebut bertujuan untuk melunakkan hati dan menguatkan keislaman mereka.<sup>16</sup>

Saudara baru diertikan juga sebagai segolongan manusia yang kufur dan memeluk Islam dengan melafazkan dua kalimah syahadah menurut Nur A'thiroh Masyaa'il Tan @ Tan Ai Pao. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan mendefinisikan saudara baru sebagai mereka yang dijinakkan hatinya atau mereka yang diharapkan kecenderungan hatinya untuk menerima Islam; atau yang memeluk Islam tetapi belum kukuh Islamnya. Saudara baru dibahagikan kepada dua golongan. Golongan pertama ialah Islam, samada yang masih baharu Islamnya, atau Ketua Kaum Islam yang mempunyai hubungan baik dengan Ketua Kaum Bukan Islam yang sejawatan dengannya, ataupun Ketua Kaum Islam yang masih belum teguh imannya tetapi sangat disegani dan ditaati orang bawahannya. Golongan yang kedua pula ialah golongan bukan Islam yang boleh dipujuk untuk memeluk Islam ataupun yang boleh dipujuk untuk tidak membahayakan agama dan umat Islam.<sup>17</sup>

---

<sup>16</sup> Ibid, Irwan, M.S. Azman, A.R, Mahazan, A.M, Nuradli Ridzwan Shah, M.D, Wan Mohd. Fazrul Azdi, W.R, Rose Irnawaty, Ibrahim, Siti Nurunnajwa Shamsudin, Nusaibah Anuar Musaddad, Norlina Ismail (2015)

<sup>17</sup> Ibid, Irwan, M.S. Azman, A.R, Mahazan, A.M, Nuradli Ridzwan Shah, M.D, Wan Mohd. Fazrul Azdi, W.R, Rose Irnawaty, Ibrahim, Siti Nurunnajwa Shamsudin, Nusaibah Anuar Musaddad, Norlina Ismail (2015)

Daripadauraian di atas dapat disimpulkan saudara baru dari segi definisi semasa adalah mereka yang dijinakkan hati mereka untuk menerima Islam dan telah melafazkan dua kalimah syahadah. Mereka juga merupakan golongan yang perlu dibantu dari sudut psikologi, kewangan dan sangat perlu diberikan bimbingan dan pantauan agama yang berterusan bagi mengelakkan mereka terumbang-ambing seterusnya kembali kepada kufur, wal ‘iyaazu billah.<sup>18</sup>

## **2.4 PENDIDIKAN AKIDAH DALAM KALANGAN SAUDARA BARU DI MALAYSIA**

Malaysia merupakan sebuah negara majmuk yang terdiri daripada pelbagai kaum, etnik dan bangsa. Maka masyarakat saudara baru di Malaysia turut diwarnai dengan populasi pelbagai etnik dan bangsa merangkumi bangsa seperti Cina, India, Orang Asli dan pelbagai kaum yang lain. Pada pendapat Nur A’tirop Masyaa’il Tan dan Fariza, proses konversi atau proses memeluk Islam telah lama wujud dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Sebenarnya golongan saudara baru di negara ini turut dipengaruhi oleh pergaulan dan interaksi mereka sesama kaum. Sehubungan itu, di Malaysia telah wujud pelbagai badan pertubuhan Islam yang terdiri daripada Kerajaan dan bukan Kerajaan yang berperanan untuk mengekalkan integrasi kaum di samping memelihara kebijakan dan keperluan saudara baru. Badan-badan pertubuhan yang wujud ini telah mengambil tanggungjawab fardu kifayah tersebut agar masyarakat saudara baru di negara ini mendapat bimbingan, perlindungan dan kebijakan yang sewajarnya. Menurut Faudzinain, kebanyakan saudara baru di Malaysia bernaung di bawah pelbagai badan pertubuhan bukan Kerajaan seperti PERKIM, PERMIM dan sebagainya. Namun begitu,

---

<sup>18</sup> Ibid, Irwan, M.S. Azman, A.R, Mahazan, A.M, Nuradli Ridzwan Shah, M.D, Wan Mohd. Fazrul Azdi, W.R, Rose Irnawaty, Ibrahim, Siti Nurunnajwa Shamsudin, Nusaibah Anuar Musaddad, Norlina Ismail (2015)

terdapat juga sebilangan Mualaf yang kekal bernaung di bawah badan pertubuhan Kerajaan seperti JAKIM, MAIS serta beberapa Jabatan Agama Islam Negeri.<sup>19</sup>

Menurut Mohd Arip, pendidikan akidah kepada golongan saudara baru adalah teras kepada pelaksanaan syariat secara menyeluruh (al-Baqarah 2: 217) dan ianya amat memerlukan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang bukan sekadar untuk memindahkan ilmu pengetahuan bahkan berupaya meningkatkan dan memantapkan keimanan. Oleh itu, pengajaran akidah amat memerlukan kaedah yang spesifik berasaskan pengetahuan pedagogikal kandungan (PPK) dengan menggunakan kefahaman dalil secara *naqli* (wahyu) dan *aqli* (akal) serta dalil-dalil alam syahadah yang terdapat di dalam Al-Quran agar murid tidak termasuk di dalam golongan *muqallid* (pengikut) yang dipertikaikan kesahihan iman mereka oleh sebahagian ulama'. Malah menurut Nasikh Ulwan proses pendidikan akidah dan keimanan perlu bermula sebaik selepas kelahiran dengan memperdengarkan kalimah tauhid melaui azan dan iqamah dan dipertingkatkan pada usia mumayyiz dan dewasa dengan pendekatan penyelidikan, tadabbur dan berfikir tentang penciptaan alam semesta secara beransur-ansur sehingga keimanan menjadi teguh berasaskan bukti kukuh seperti saranan al-Quran.<sup>20</sup>

---

<sup>19</sup> Ibid, Ahmad Yunus Kasim, Samsuddin Abdul Hamid & Misnan Jemali (2017)

<sup>20</sup> Ibid, Ahmad Yunus Kasim, Samsuddin Abdul Hamid & Misnan Jemali (2017)

## **2.5 GEJALA MURTAD DALAM KALANGAN SAUDARA BARU**

Golongan saudara baru di bawah seliaan Majlis Agama Islam Selangor telah dibimbing dan dididik memahami akidah berdasarkan Modul Latihan Saudara Kita yang telah disediakan oleh pihak MAIS sendiri. Namun begitu, dalam keadaan masyarakat bukan Islam di Malaysia memilih Islam sebagai agama yang mengatur kehidupan, namun masih murtad masih juga berlaku di negara ini. Satu kajian yang telah dilakukan di Selangor dengan berdasarkan perspektif kes-kes permohonan murtad, kajian tersebut menemui beberapa perkara iaitu :

- I. Majoriti pemohon terdiri daripada saudara baru wanita yang memeluk Islam atas tujuan untuk berkahwin.
- II. Majoriti berbangsa India.
- III. 40% agama asal pemohon adalah Islam.
- IV. Alasan utama yang diberi adalah berpuncu dari pemohon telah dibaptiskan, diasuh oleh keluarga Hindu, tidak mengamalkan ajaran Islam, tidak berminat dengan agama Islam, bercerai, putus tunang dan berkahwin dengan orang beragama Hindu.<sup>21</sup>

Berdasarkan profil kes-kes permohonan murtad yang dinyatakan di atas, jelas bahawa gejala murtad yang berlaku di negara ini adalah sangat berleluasa. Masalah murtad ini amatlah membimbangkan kerana jumlah kes murtad semakin meningkat hari demi hari dan langkah pencegahan harus dilaksanakan dengan segera. Dalam pada itu, Mohd Azam turut menjelaskan bahawa kebanyakan golongan mualaf di negeri Selangor kembali menganut agama asal mereka

---

<sup>21</sup> Ibid, Ahmad Yunus Kasim, Samsuddin Abdul Hamid & Misnan Jemali (2017)

kerana kegagalan mereka mendalami agama Islam. Hal ini menunjukkan bahawa tidak mendapat bimbingan agama merupakan faktor utama seseorang saudara baru meninggalkan agama Islam.<sup>22</sup>

Beliau menyatakan bahawa sememangnya tahap bimbingan dan pengetahuan tentang agama Islam mempunyai hubung kait yang signifikan untuk mencetuskan kecenderungan murtad. Kegagalan memahami agama Islam menyebabkan mereka salah faham berkaitan isu-isu kebebasan, penindasan wanita, jumud dan sebagainya sehingga mendorong mereka membuat keputusan untuk kembali kepada agama asal.<sup>23</sup>

Selain itu, analisis kes-kes murtad 1991 telah menerangkan bahawa pada tahun tersebut terdapat 6 kes murtad yang melibatkan tiga bangsa iaitu empat bangsa Cina, satu kes Melayu dan India. Mereka telah murtad dan kembali menganut agama Hindu dan Buddha. Analisis kes-kes murtad 1991 ini juga menjelaskan bahawa antara punca murtad ialah kelemahan akidah dan kurangnya pengamalan cara hidup Islam dalam kehidupan harian. Hal ini terjadi kerana selepas mereka menganut agama Islam, proses pendidikan Islam tidak terus diamalkan dalam kehidupan dan terdapat juga dalam kalangan mereka yang tiidak pernah dididik dengan cara hidup Islam. Ini bermakna mereka hanya Islam pada nama, namun mereka mengamalkan cara hidup agama Hindu.<sup>24</sup>

---

<sup>22</sup> Ibid, Ahmad Yunus Kasim, Samsuddin Abdul Hamid & Misnan Jemali (2017)

<sup>23</sup> Ibid, Ahmad Yunus Kasim, Samsuddin Abdul Hamid & Misnan Jemali (2017)

<sup>24</sup>Ibid, Ahmad Yunus Kasim, Samsuddin Abdul Hamid & Misnan Jemali (2017)

Kenyataan ini menjelaskan bahawa kebanyakannya kes murtad yang berlaku di Malaysia adalah berpunca daripada kurangnya mendapat bimbingan agama dan tidak memahami akidah Islam dengan baik. Akhirnya daripada punca tersebut menyebabkan sebahagian masyarakat saudara baru ini mengambil jalan dengan kembali kepada agama asal mereka. Maka jelaslah bahawa pendidikan akidah merupakan aspek terpenting yang harus diberi perhatian oleh semua pihak agar masyarakat saudara baru di negara ini dapat benar-benar menghayati kepentingan dan keistimewaan akidah Islam.<sup>25</sup>

## **2.6 CABARAN SAUDARA BARU SELEPAS MEMELUK ISLAM**

### **2.6.1 Desakan daripada Keluarga Bukan Islam**

Ikatan kekeluargaan yang disatukan oleh pegangan agama pastinya akan tergugat bila seseorang ahli keluarga cuba keluar daripada pegangan nenek moyang mereka. Malah keseluruhan saudara baru menerima nasib yang sama apabila menyuarakan hasrat untuk memeluk Islam. Oleh itu saudara baru akan didesak oleh ahli keluarga yang bukan Islam untuk kembali kepada agama asal mereka.<sup>26</sup>

---

<sup>25</sup> Ibid, Ahmad Yunus Kasim, Samsuddin Abdul Hamid & Misnan Jemali (2017)

<sup>26</sup> Siti Fatimah Salleh, Nadhirah Nordin, Siti Khatijah Ismail & Siti Hajar Mohamad Yusoff (2018), *Cabar dan Implikasi Pengurusan Dokumentasi Saudara Baru*, Prosiding Seminar Antarabangsa al-Quran dalam Masyarakat Kontemporari 2018, Universiti Sultan Zainal Abidin.

## **2.6.2 Masalah Kesempitan Hidup**

Masalah kesempitan hidup berlaku apabila selepas memeluk Islam, saudara baru ini terpaksa berhenti bekerja jika pekerjaan sebelum mereka memeluk Islam dalam bidang yang bercanggah dengan agama Islam seperti bekerja di premis-premis judi, arak dan sebagainya. Selain dari itu, terdapat juga dalam kalangan saudara baru yang mendapat tekanan dari majikan yang tidak Islam selepas mengetahui mereka memeluk Islam sehingga dipecat ataupun mereka berhenti sendiri kerana tidak mampu untuk menyerap tekanan-tekanan tersebut. Mereka akan hilang sumber pendapatan dan menyebarkan mereka terpaksa meminta bantuan kewangan bagi meringankan beban masalah yang mereka hadapi.<sup>27</sup>

## **2.6.3 Suasana Persekutaran yang Tidak Membantu untuk Mendalami Islam**

Saudara baru tidak dapat mendalami ajaran Islam dengan sempurna apabila selepas memeluk agama Islam, mereka masih tinggal dalam komuniti bukan Islam yang majoriti. Ini kerana mereka masih terdedah dengan adat resam dan cara hidup yang bertentangan dengan ajaran Islam.<sup>28</sup>

---

<sup>27</sup> Ibid, Siti Fatimah Salleh, Nadhirah Nordin, Siti Khatijah Ismail & Siti Hajar Mohamad Yusoff (2018)

<sup>28</sup> Ibid, Siti Fatimah Salleh, Nadhirah Nordin, Siti Khatijah Ismail & Siti Hajar Mohamad Yusoff (2018)

#### **2.6.4 Orang Sekeliling yang Tidak Mengamalkan Cara Hidup Islam yang Syumul**

Saudara baru juga sukar untuk mengamalkan cara hidup Islam yang syumul apabila dikelilingi oleh masyarakat yang tidak mengamalkan cara hidup Islam. Masyarakat perlu menunjukkan contoh teladan yang baik agar saudara bar uterus maju dan bermotivasi untuk mendalami ajaran Islam, menghayatinya dan seterusnya mengaplikasikannya dalam segenap kehidupan.<sup>29</sup>

#### **2.6.5 Orang Terdekat Seperti Ahli Keluarga, Jiran dan Kawan yang Tidak Menekankan Gaya Hidup Islam kepada Saudara Baru**

Saudara baru juga berada dalam dilema apabila orang terdekat yang beragama Islam tidak menekankan gaya hidup Islam. Contoh teladan yang baik akan memberi impak positif agar saudara bar uterus maju dan bermotivasi tinggi untuk mendalami ajaran Islam, menghayatinya dan seterusnya mengaplikasikannya dalam segenap kehidupan.<sup>30</sup>

---

<sup>29</sup> Ibid, Siti Fatimah Salleh, Nadhirah Nordin, Siti Khatijah Ismail & Siti Hajar Mohamad Yusoff (2018)

<sup>30</sup>Ibid, Siti Fatimah Salleh, Nadhirah Nordin, Siti Khatijah Ismail & Siti Hajar Mohamad Yusoff (2018)

## **2.6.6 Mendapat Ancaman dan Ugutan daripada Keluarga Terdekat**

Ada di antara saudar baru dibuang daripada institusi keluarga dan dipulaukan rakan-rakan hanya kerana memeluk Islam. Mereka mendapat ancaman dan ugutan daripada keluarga terdekat apabila memeluk Islam.<sup>31</sup>

## **2.7 KEGAGALAN SAUDARA BARU UNTUK MENANGANI CABARAN HIDUPNYA**

Seseorang saudara baru akan memilih langkah cepat dan mudah apabila gagal menangani cabaran hidup mereka. Mereka mengambil tindakan untuk kembali ke agama asal apabila faktor kemasukan mereka ke agama Islam adalah disebabkan faktor perkahwinan. Terdapat saudara baru memeluk Islam atas tujuan untuk berkahwin dengan pasangan yang beragama Islam. Apabila keinginan tersebut tidak dapat dicapai atau gagal, mereka mengambil langkah mudah dan songsang dengan kembali kepada agama asal (murtad).

Selain itu, pasangan yang telah berjaya berkahwin, kemudian gagal untuk meneruskan kelangsungan hidupnya dalam sebuah ikatan perkahwinan turut mengambil pendekatan penceraian. Terdapat saudara baru sama ada lelaki atau perempuan yang berkahwin dengan orang Islam. Mereka mengharapkan agar pasangan masing-masing mampu menjadi pelindung dan pendidik dalam hal-hal agama. Malangnya selepas beberapa tahun perkahwinan, mereka diabaikan dan ada yang diceraikan oleh pasangan masing-masing. Sebagai tindakan daripada

---

<sup>31</sup> Ibid, Siti Fatimah Salleh, Nadhirah Nordin, Siti Khatijah Ismail & Siti Hajar Mohamad Yusoff (2018)

kekecewaan pasangan, ada dalam kalangan mereka yang memilih untuk kembali kepada agama asal iaitu murtad.<sup>32</sup>

Terdapat juga saudara baru yang murtad kerana tidak dapat bantuan yang diinginkan. Contohnya gagal mendapat bantuan kewangan daripada pihak-pihak tertentu. Antara bentuk bantuan yang ditawarkan oleh majlis agama kepada saudara baru dan mereka boleh perolehi adalah seperti berikut :

1. Bantuan sewa rumah.
2. Elaun sara hidup bulanan.
3. Bantuan kecemasan.
4. Bantuan pendidikan bagi mempelajari dan mengikuti kelas fardhu ain.
5. Bantuan bagi mereka yang terlibat dengan hutang (*gharimin*).
6. Bantuan rumah bagi mereka yang dikategorikan sebagai asnaf seperti mualaf membeli rumah dengan membiayai kos deposit oleh lembaga zakat atau menyedia rumah kepada asnaf zakat.
7. Kos pengurusan jenazah bagi mualaf atau saudara baru yang tidak mempunyai saudara mara beragama Islam.<sup>33</sup>

Saudara baru juga mudah terjebak dengan hutang apabila mereka hilang sumber pendapatan dan dipulaukan oleh ahli keluarga dan rakan-rakan. Mereka akan berhutang bagi

---

<sup>32</sup> Ibid, Siti Fatimah Salleh, Nadhirah Nordin, Siti Khatijah Ismail & Siti Hajar Mohamad Yusoff (2018)

<sup>33</sup> Ibid, Siti Fatimah Salleh, Nadhirah Nordin, Siti Khatijah Ismail & Siti Hajar Mohamad Yusoff (2018)

meneruskan kelangsungan hidup mereka. Malangnya apabila mereka terjebak dengan beban hutang dan tidak mampu melangsaihan hutang tersebut, mereka sanggup mengambil jalan mudah dengan keluar Islam.<sup>34</sup>

Pendekatan keluar agama atau murtad juga berlaku akibat dari tekanan yang berterusan dari kaum keluarga, jiran, dan sahabat handai. Ada dalam kalangan saudara baru baru diugut dengan pelbagai ugutan. Jika saudara baru ini tidak mendapat perlindungan yang sepenuhnya dari pihak berkuasa, mereka lebih mudah ditekan dan akhirnya kembali kepada agama asal mereka.<sup>35</sup>

## 2.8 KESIMPULAN

Secara konklusinya dapat disimpulkan saudara baru atau mualaf ini ada disebutkan hak mereka di dalam sumber rujukan utama umat Islam iaitu al-Quran. Saudara baru merupakan golongan yang patut diberi perhatian kerana iman mereka yang masih belum kukuh dan perlu dibantu. Hal ini adalah kerana pelbagai perkara yang kurang baik akan terjadi seperti mereka akan kembali kepada agama asal mereka. Oleh yang demikian, masyarakat Islam sendiri harus cakna dan prihatin akan nasib golongan saudara baru ini supaya mereka mampu untuk kuat sebagai seorang Islam.

---

<sup>34</sup> Ibid, Siti Fatimah Salleh, Nadhirah Nordin, Siti Khatijah Ismail & Siti Hajar Mohamad Yusoff (2018)

<sup>35</sup> Ibid, Siti Fatimah Salleh, Nadhirah Nordin, Siti Khatijah Ismail & Siti Hajar Mohamad Yusoff (2018)

Tokoh-tokoh mempunyai tafsiran mereka masing-masing serta pentingnya pembelajaran akidah kepada saudara baru ini. Selain itu, bab ini menerangkan juga beberapa cabaran yang perlu dihadapi dan besarnya gejala murtad yang berlaku di dalam kalangan saudara baru ini.

## BAB 3

### **PERTUBUHAN KEBAJIKAN ISLAM MALAYSIA (PERKIM)**

#### **3.0 PENGENALAN**

Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) adalah satu pertubuhan dakwah di Malaysia yang aktif dan menonjol. Ianya merupakan pertubuhan yang melaksanakan aktiviti dan dakwah berteraskan kebajikan kepada semua kaum tanpa mengira agama dan bangsa. Penubuhannya adalah bertujuan untuk membantu saudara-saudara Islam supaya mendapat bimbingan dan tunjuk ajar yang betul serta dapat memahami ajaran Islam dengan lebih mendalam. Tujuan penubuhan PERKIM juga ialah untuk menjalankan dakwah Islamiah kepada orang-orang Islam dan bukan Islam dengan positif dan berkesan. Selain elemen dakwah, elemen-elemen lain turut diberikan perhatian ialah elemen pendidikan dan kebajikan yang meliputi memberi, mengadakan dan menguruskan serta menjalankan pendidikan agama Islam menerusi media dan pelbagai kaedah lain.<sup>36</sup>

PERKIM juga memberi bantuan, derma, biasiswa, atau dermasiswa kepada yang berkelayakan dan menjalankan amal-amal jariah yang lain kepada mereka yang sakit, miskin, susah dan daif. Dalam usaha mengembangkan dakwah, PERKIM banyak menjalankan aktiviti dan program untuk saudara baru sebagai contoh kelas PERKIM, kursus intensif dan banyak lagi program yang dijalankan. Sehingga kini PERKIM telah berjaya mendidik ramai insan yang

---

<sup>36</sup> Anuar Puteh, Abdul Ghafar Hj Don, Razaleigh Muhamat@Kawangit, Badlihisham Mohd Nasir, Yusmasayu Abdullah, *Seminar Antarabangsa Dakwah dan Etnik*, 2014.

berjaya dan mampu meneruskan bakti meneruskan dakwah dalam kalangan masyarakat seperti Ustaz Ridhuan Tee Abdullah, Ustaz Mohd Farid Ravi, Ustaz Muhammad Fitri Abdulah, Ustaz Muhammad Farhan Al-Hafiz, Puan Sofia Yeong Mei Foong dan Masyitah Choon dan ramai lagi.<sup>37</sup>

### **3.1 TUNKU DAN PERKIM**

Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj bukan sahaja digelar ‘Bapa Merdeka’, ‘Bapa Malaysia’, tetapi juga digelar ‘Bapa PERKIM’. PERKIM telah ditubuhkan di rumah rasmi Tunku – rumah Perdana Menteri di Kuala Lumpur pada 19 Ogos 1960. Pada hari itu, Tunku telah mengadakan perjumpaan dengan beberapa orang Islam yang berminat, dengan tujuan hendak menubuhkan sebuah badan yang akan berusaha mengembangkan agama Islam di Semenanjung Tanah Melayu. Pada hari itu, YTM Tunku berpendapat bahawa sungguhpun tujuan utama mereka hendak menyampaikan seruan Islam kepada mereka yang belum beragama Islam dari semua kaum di Malaya, terutamanya dari kalangan orang Cina. Nama yang dipilih ialah Pertubuhan Kebajikan Islam Malaya – ringkasnya PERKIM. Beberapa tahun kemudian apabila lahir negara Malaysia, maka perkataan Malaya ditukar kepada Malaysia.<sup>38</sup>

Yang hadir di perjumpaan itu, selain daripada YTM Tunku ialah Tuan S.O.K Ubaidulla, Tuan Haji Mohamed Ali Taib, Ustaz Nik Mahyudin Musa, Tuan Haji Ally Maricar, Tuan

---

<sup>37</sup> Ibid, Anuar Puteh, Abdul Ghafar Hj Don, Razaleigh Muhamat@Kawangit, Badlihisham Mohd Nasir, Yusmasayu Abdullah (2014)

<sup>38</sup> <https://www.perkim.net.my> [6 Mac 2019]

Sheikh Ahmad, Tuan Haji Ahmad Damanhuri, Tuan Syed Jaafar Albar, Tuan Haji Ali Raya, Tuan Wan Kadir dan Tuan Haji Mubin Sheppard. Pada petang itu juga, YTM Tunku telah menyerahkan sekeping cek bernilai dua puluh ribu ringgit sebagai sumbangan pelancaran. Sebelum mesyuarat ditamatkan, YTM Tunku memberitahu bahawa beliau akan menyembahkan laporan berkenaan pertubuhan ini (PERKIM ) ke bawah Duli Raja-Raja Melayu, dan meminta sokongan dari kerajaan-kerajaan negeri masing-masing. Maka sebagaimana yang dijanjikan, YTM Tunku telah membawa laporan penubuhan PERKIM kepada Majlis-Majlis Raja-Raja dan telah mendapat restu dari Duli-Duli dan kerajaan negeri.<sup>39</sup>

Sungguhpun YTM Tunku sentiasa sibuk dengan tugas Perdana Menteri dan lawatan ke luar negara, YTM Tunku sentiasa memberi perhatian berat kepada perjalanan PERKIM dan membantunya apabila perlu. Di antara masalah yang dihadapi oleh PERKIM dari permulaan ialah ketiadaan orang Cina di Malaya yang layak bertugas sebagai guru atau mualigh dan boleh menyampaikan seruan kepada kaum Cina. (Tuan Haji Ibrahim T.Y. Ma, bekas konsul Cina di Malaya sebelum Perang Dunia Kedua) masih tinggal di Singapura dan hanya dijemput datang ke Kuala Lumpur serta memberi tenaganya kepada PERKIM kira-kira tiga bulan sekali.<sup>40</sup>

Jawatankuasa kerja mengambil keputusan untuk menjemput beberapa tokoh orang Cina Islam dari Taiwan. YTM Tunku telah memberi arahan khas supaya kebenaran masuk luar biasa diberi kepada orang yang berkelayakan. Sungguhpun kebenaran ini telah diberikan, Jawatankuasa kerja mengalami kerumitan untuk memilih tokoh Cina Islam yang layak kerana

---

<sup>39</sup> Ibid, perkim.net.my[6 Mac 2019]

<sup>40</sup> Ibid, perkim.net.my[6 Mac 2019]

mereka hanya faham Bahasa Cina dan tidak dapat berhubung dan berunding dengan ahli-ahli Jawatankuasa atau pegawai-pegawai kerajaan.<sup>41</sup>

Masalah ini terus menghalang usaha PERKIM dan kira-kira setahun kemudian, Jaatankuasa mengambil keputusan untuk mengadakan Pusat Latihan Mubaligh di mana orang Melayu akan belajar Bahasa Cina sambil belajar agama Islam dan cara menyampaikannya kepada orang ramai. Pada awal tahun 1962, YTM Tunku telah memberi perhatian kepada masalah orang Islam penduduk di Sarawak yang tidak diberi layanan langsung oleh Kerajaan British di situ. YTM Tunku telah bersetuju supaya PERKIM memberi pertolongan kepada persatuan Islam Sarawak.<sup>42</sup>

Dengan contoh layanan dan pertolongan yang dicatatkan dengan ringkas ini, sudah nyata bahawa YTM Tunku, sungguhpun sangat sibuk dengan berbagai-bagai tanggungjawab lain, telah memberi sokongan kepada PERKIM yang lahir di rumahnya. Dengan daya usaha YTM Tunku, nama PERKIM dikenali sebagai badan Islam yang berpengaruh luas di negara Islam dan menjadi anggota di badan Muktamar Islamiah Sedunia. Badan itu berpusat di Beirut dan Mufti Besar Palestin, Syed Amin al-Husaini adalah Yang Dipertuanya. Maka dua orang wakil PERKIM telah dijemput hadir di perjumpaan Muktamar di Baghdad pada tahun 1962 dan Setiausaha Agung badan itu telah melawat ke Kuala Lumpur serta diberi layanan oleh PERKIM.<sup>43</sup>

---

<sup>41</sup> Ibid, perkim.net.my[6 Mac 2019]

<sup>42</sup> Ibid, perkim.net.my[6 Mac 2019]

<sup>43</sup> Ibid, perkim.net.my[6 Mac 2019]

Hasil dari lawatan itu, dengan persetujuan YTM Tunku, Kuala Lumpur telah dipilih sebagai tempat persidangan wakil-wakil Islam dari Sembilan belas buah negara di Asia Tenggara. Persidangan itu telah diadakan di Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur dan dirasmikan oleh YTM Tunku pada 28 Januari 1964. Usaha menyiapkan dan mentadbirkan persidangan ini diserahkan kepada Jawatankuasa kerja PERKIM. Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri Malaysia telah dilantik sebagai Pengurus Majlis. Mufti Besar Palestin telah dibawa oleh PERKIM melawat ke beberapa tempat di mana PERKIM menjalankan usahanya termasuk Pusat Latihan Mubaligh dan Balai Islam Kelang.<sup>44</sup>

Rancangan PERKIM hendak mendirikan Balai Islam di Kuala Lumpur sentiasa diberi sokongan oleh YTM Tunku. Masalah yang uatam ialah usaha mencari modal untuk pembinaannya, tetapi YTM Tunku telah memberikan bantuan dengan beberapa cara. YTM Tunku telah meminta jutawan Runme Shaw di Singapura memberikan kepada PERKIM dari hasil tayangan perdana filem yang bertajuk ‘Lawrence of Arabia’ di Kuala Lumpur, dengan syarat kutipan dari tayangan itu digunakan untuk tabung pembinaan. Hasil dari kutipan itu berjumlah RM 26,000.00 dari sekali tayang.<sup>45</sup>

Masalah memberikan latihan kepada mubaligh muda diberi perhatian oleh YTM Tunku dengan menyewa sebuah rumah di Batu 4, Jalan Ampang bagi tujuan tersebut. Dengan adanya YTM Tunku dalam jawatan Yang Dipertua berbagai rancangan dapat dihidupkan kembali,

---

<sup>44</sup> Ibid, perkim.net.my[6 Mac 2019]

<sup>45</sup> Ibid, perkim.net.my[6 Mac 2019]

terutama sekali rancangan pembinaan Ibu Pejabat PERKIM di atas tanah di Jalan Ipoh, Kuala Lumpur yang telah diberikan oleh Menteri Besar Selangor atas permintaan YTM Tunku.<sup>46</sup>

### **3.2 SEJARAH PENUBUHAN PERKIM DI MALAYSIA**

Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) telah diasaskan oleh Almarhum YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dan didaftarkan pada 19 Ogos 1960. Selepas penubuhannya, Tunku telah dilantik sebagai Penasihat sehingga tahun 1971 dan dipilih sebagai Presiden sehingga tahun 1989. PERKIM di peringkat negeri dikenali sebagai PERKIM Bahagian. Terdapat 13 buah bahagian di seluruh negara kecuali Sabah. Pengurusan PERKIM Bahagian diketuai oleh Pengerusi PERKIM Bahagian yang dilantik dalam Mesyurat Agung PERKIM Bahagian. Urusetia PERKIM Kebangsaan menyalurkan peruntukan untuk pengajian kakitangan dan juga untuk beberapa aktiviti tertentu di peringkat PERKIM Bahagian.<sup>47</sup>

PERKIM juga mempunyai bahagian wanita yang dikenali sebagai wanita PERKIM dan kedudukannya adalah setaraf dengan PERKIM bahagian-bahagian. Di peringkat bahagian pula wujud entiti cawangan di setiap daerah. Cawangan-cawangan ini diuruskan oleh Pengerusi cawangan yang juga dipilih di dalam Mesyuarat Agung PERKIM Cawangan. Cawangan bertanggungjawab melapor segala gerak kerja kepada PERKIM Bahagian bagi memastikan ianya selari dengan dasar PERKIM Kebangsaan. Cogan Kata Perkim iaitu, ‘Islam Itu Persaudaraan’ menjadi tunggak yang harus sentiasa dihayati dan diperaktikkan dimana

---

<sup>46</sup> Ibid, perkim.net.my[6 Mac 2019]

<sup>47</sup> Ibid, perkim.net.my[6 Mac 2019]

PERKIM hendaknya dijadikan nadi untuk menyatupadukan umat Islam khususnya ahli-ahli dan masyarakat setempat amnya.<sup>48</sup>

### **3.3 OBJEKTIF PERTUBUHAN**

VISI : Menjadikan PERKIM sebagai NGO Dakwah sejajar dengan Wawasan 2020.<sup>49</sup>

MISI : Menjadikan PERKIM sebuah NGO penggerak dakwah terunggul untuk memberi sokongan kepada Intitusi Islam di Malaysia dan antarabangsa.<sup>50</sup>

Lima elemen utama yang menggerakkan halatuju PERKIM adalah :

1) Dakwah

Menjalankan dakwah islamiyyah kepada orang-orang Islam dan bukan Islam dengan cara positif dan berkesan.<sup>51</sup>

2) Pendidikan

Memberi, mengada, mengurus dan menjalankan pelajaran serta pendidikan Islam menerusi segala media dan segala jalan yang sah disisi undang-undang.<sup>52</sup>

---

<sup>48</sup> Ibid, perkim.net.my[6 Mac 2019]

<sup>49</sup> Ibid, perkim.net.my[6 Mac 2019]

<sup>50</sup> Ibid, perkim.net.my[6 Mac 2019]

<sup>51</sup> Ibid, perkim.net.my[6 Mac 2019]

<sup>52</sup> Ibid, perkim.net.my[6 Mac 2019]

3) Kebajikan

Menjalankan semua kerja kebajikan termasuk memberi bantuan, derma, biasiswa dan dermasiswa kepada sesiapa yang berkelayakan dan menjalankan lain-lain amal jariah kepada yang sakit, miskin, susah dan daif.<sup>53</sup>

4) Kerjasama dalam bidang agama Islam.

Menubuhkan perantaraan dan kerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan dan badan-badan Islam yang lain demi kemajuan agama Islam.<sup>54</sup>

5) Lain-lain

Menjalankan lain-lain kegiatan demi kepentingan dan kemajuan Islam.

Dalam merealisasikan objektif penubuhannya, PERKIM mempraktikkan penyebaran syiar dakwah Islamiah berdasarkan kerja-kerja kebajikan yang terbukti telah memberi manfaat kepada semua kelompok masyarakat, sekaligus dapat meningkatkan imej Islam serta menghapuskan sebarang prasangka buruk terhadap Islam.<sup>55</sup>

### **3.4 BADAN GABUNGAN PERKIM**

PERKIM mempunyai beberapa badan gabungan untuk membantu golongan saudara baru ini.

Antaranya ialah :

---

<sup>53</sup> Ibid, perkim.net.my[6 Mac 2019]

<sup>54</sup> Ibid, perkim.net.my[6 Mac 2019]

<sup>55</sup> <https://www.perkim.net.my>[23 Desember 2018]

## **(1) MALAYSIAN CHINESE MUSLIM ASSOCIATION (MACMA)**

MACMA telah ditubuhkan dengan rasminya pada 8hb September 1994 bagi memenuhi kehendak masyarakat Cina Muslim untuk menggembungkan usaha dakwah dengan lebih berkesan terfokus kepada bangsa Cina serta rakyat berbilang kaum di negara ini. Penubuhan MACMA selain daripada mempromosikan atau menyampaikan pengajaran Islam kepada masyarakat Cina juga bertujuan menyediakan bantuan dan perkhidmatan dari pelbagai aspek kepada ahli seperti kelas fardhu ain dan kelas bimbingan lanjutan dalam pelbagai Bahasa khususnya dalam Bahasa Cina, menjaga kebajikan dan kesejahteraan ahli, memberi khidmat kaunseling dan sokongan moral, menyediakan peluang pendidikan lanjutan sepanjang hayat, meningkatkan taraf sosial ekonomi dan memupuk semangat sukarela di kalangan ahli supaya dapat melahirkan satu golongan Cina Muslim yang bertaqwa untuk menjadi ‘Khairul Ummah’ sepermulaan dituntut dari kitab suci Al-Quran.<sup>56</sup>

Macma juga memainkan peranan sebagai jurucakap bagi golongan Cina Muslim di Malaysia dan juga sebagai jambatan untuk membina penyatuan melalui kepelbagaian bangsa dan kepercayaan di dalam keunikan masyarakat majmuk di Malaysia terutamanya kepada masyarakat Cina yang belum Islam.<sup>57</sup>

---

<sup>56</sup> <https://www.macma.my>[6 Januari 2019]

<sup>57</sup> Ibid, macma.my[6 Januari 2019]

## **(2) PERTUBUHAN ISLAM SELURUH SABAH (USIA)**

### **Latar Belakang Penubuhan**

Menyingkap kembali sejarah perjuangan USIA sejak mula ditubuhkan pada tahun 1969 di bawah pimpinan Allahyarham Tun Datu Hj Mustapha Bin Datu Harun, Yang Dipertua USIA yang juga merupakan Ketua Menteri Sabah ketika itu. Salah satu daripada matlamat pembentukan USIA ialah untuk menambah jumlah umat Islam di negeri ini. Bilangan yang beragama Islam masih rendah berbanding dengan penganut-penganut agama lain dan juga bagi mereka yang tidak beragama (Pagan). Selain rendahnya jumlah penganut Islam, umat Islam juga ketinggalan dari segi pendidikan dan kekurangan pembinaan rumah-rumah ibadat.<sup>58</sup>

Orang-orang Islam yang serba kekurangan hanya dapat memulakan usaha untuk membina sekolah-sekolah agama dan tempat-tempat ibadat atas inisiatif mereka sendiri dengan keperluan yang serba kekurangan. Perkembangan yang tidak seimbang berlaku di mana penganut agama Islam di Sabah dalam kedudukan yang serba dhaif dan ketinggalan dalam semua bidang termasuk bidang pendidikan politik, sosial dan ekonomi. Keadaan ini menyebabkan timbulnya kesedaran di kalangan orang Islam di Sabah terutamanya selepas Negeri Sabah ini mencapai kemerdekaan melalui Pembentukan Malaysia.<sup>59</sup>

---

<sup>58</sup> <http://www.usia.com.my>[4 Februari 2019]

<sup>59</sup>Ibid, usia.com.my[4 Februari 2019]

## **Pengukuhan selepas Merdeka**

Kemerdekaan Sabah melalui Malaysia dalam tahun 1963 telah membawa era baru dalam perkembangan Islam di negeri ini. Perlantikan Tun Datu Haji Mustapha Bin Datu Harun sebagai Ketua Menteri Sabah telah menaikkan semangat dan meniupkan roh dakwah kepada perkembangan Islam di Sabah. Sebagai pemimpin yang ingin melihat agama Islam dan penganutnya mendapat kedudukan yang sewajarnya di negeri ini. Tun Datu Hj Mustapha telah menjalankan usaha-usaha tersendiri bagi menukar imej Sabah dalam perkembangan dan penyebaran agama Islam. Salah satu usaha Tun Datu Hj Mustapha yang terawal dalam kegiatan dakwah ialah menggalakkan kegiatan-kegiatan berbentuk keagamaan dipertingkatkan.<sup>60</sup>

Galakan tersebut telah memberi inspirasi kepada pemimpin-pemimpin beberapa persatuan Islam terutamanya dari Persatuan Islam Putatan, Persatuan Islam Tawau dan Persatuan Islam Sabah yang telah wujud sebelum ini bersatu dalam persatuan yang lebih besar. Keinginan menubuhkan Persatuan Islam seumpama itu akhirnya tercapai dalam satu kongres masyarakat Islam yang dihadiri oleh masyarakat Islam. Seramai 263 wakil dan pemerhati dari Persatuan Islam di seluruh Sabah menghadiri kongres tersebut yang diadakan selama tiga hari pada 14 sehingga 16 Ogos 1969 bertempat di Dewan Masyarakat Kota Kinabalu.<sup>61</sup>

---

<sup>60</sup> Ibid, usia.com.my[4 Februari 2019]

<sup>61</sup> Ibid, usia.com.my[4 Februari 2019]

Semua perwakilan yang hadir di kongres tersebut telah mengambil keputusan sebulat suara bersetuju bersatu dalam satu pertubuhan yang besar. Maka pada 16 Ogos 1969 lahirlah Pertubuhan Islam Seluruh Sabah atau United Sabah Islamic Association yang sebutan ringkasnya USIA dengan rasminya. Dengan penubuhan USIA di bawah kepimpinan YAB Tun Datu Hj Mustapha bin Datu Harun, Sabah telah menyaksikan perubahan besar bukan sahaja dalam sejarah perkembangan Islam malah dalam sejarah politik di negeri itu sendiri. Gerakan dakwah berjalan lancar dan USIA berjaya mengislamkan puluhan ribu penduduk negeri ini terutamanya masyarakat suku kaum Kadazan/Dusun, Murut Rungus dan kaum-kaum lain yang tidak mempunyai pegangan agama.<sup>62</sup>

## **Tujuan Penubuhan USIA**

Antara tujuan penubuhan USIA ialah :

1. Memelihara kepentingan-kepentingan agama Islam.
2. Memelihara kefahaman tauhid kepada Allah di kalangan umat Islam demi membentuk satu budi pekerti dan akhlak yang mulia.
3. Mengajurkan Dakwah Islamiah kepada segenap masyarakat di Sabah berpandukan al-Quran dan Sunnah.
4. Menyediakan kemudahan-kemudahan pengajian dan pembelajaran Islam di seluruh Sabah.
5. Menjalankan kerja-kerja kebajikan dan amal jariah kepada orang Islam.<sup>63</sup>

---

<sup>62</sup> Ibid, usia.com.my[4 Februari 2019]

<sup>63</sup> Ibid, usia.com.my[4 Februari 2019]

## **Strategi Perancangan Jangka Panjang USIA**

Akan membawa manusia berfikir secara global. Islam kepunyaan semua umat manusia.

Hormat menghormati antara satu sama lain dan membangun keamanan, kemakmuran, keadilan, kestabilan yang dipraktikkan dalam semua bidang :

- a) Politik
- b) Pendidikan
- c) Ekonomi
- d) Sosial dan lain-lain.

Tanpa berfikir secara global dan tanpa mempraktikkan keindahan Islam, ia bagaikan emas celupan – apabila hilang celupnya maka hilanglah kualitinya.<sup>64</sup>

### **3.5 SUMBANGAN PERKIM**

Pelbagai perkara telah dilaksanakan oleh pihak PERKIM untuk membantu khususnya golongan mualaf. Antara sumbangan PERKIM ialah menubuhkan pusat transit untuk golongan mualaf. Pusat transit untuk golongan mualaf penting sebagai tanda sokongan kepada mereka untuk memulakan kehidupan baru. Pengurus PERKIM Wanita Cawangan Taman Permata, Datin Rohani Jamaluddin memberitahu, pusat transit untuk golongan ini memang wujud namun tidak mencukupi untuk menampung jumlah mereka yang baru memeluk Islam Justeru, PERKIM cawangan ini mengambil inisiatif mewujudkan sebuah pusat transit sementara untuk

---

<sup>64</sup> Ibid, usia.com.my[4 Februari 2019]

wanita mualaf, sebelum pusat transit kekal yang sedang dalam perancangan dapat ditubuhkan.<sup>65</sup>

Selain daripada itu, bagi membantu memperkasakan kebajikan asnaf mualaf, PERKIM Selangor membina kompleks khusus untuk kumpulan itu di Seksyen 8. Kompleks dua tingkat berkeluasan 2,453 meter persegi (26,400 kaki persegi) membabitkan kos RM8 Juta itu merangkumi kemudahan dewan utama, pejabat, bilik seminar, kafe, surau dan ruang sokongan lain. Kompleks itu yang dijenamakan sebagai ‘PERKIM Village @ Shah Alam’ akan menjadi wadah kepada ribuan mualaf di negeri ini untuk menyertai pelbagai aktiviti terutama berkaitan pendidikan Islam dan sosial.<sup>66</sup>

Kompleks berkenaan terbuka untuk disewakan kepada badan korporat atau pihak persendirian bagi menjana ekonomi PERKIM Selangor yang ditubuhkan sejak 1964. Ketua Pegawai Eksekutif, Mokhtar Ismail, berkata pihaknya memperjuangkan nasib dan kebajikan hampir 38,000 mualaf berdaftar, yang menghadapi pelbagai cabaran termasuk kehilangan keluarga dan sokongan masyarakat agama asal mereka.<sup>67</sup>

Seterusnya, seramai 40 anak yatim dan 25 saudara kita (mualaf) menerima sumbangan dariapada Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA), dan PERKIM Cawangan Sibu melalui Jawatankuasa Kecil Dakwah PERKIM. Pengurus JASA Sibu Awang Julaihi Awang Ali

---

<sup>65</sup> <https://www.mstar.com.my>[22 Februari 2019]

<sup>66</sup> <https://www.bharian.com.my>[22 Februari 2019]

<sup>67</sup> Ibid, bharian.com.my[22 Februari 2019]

Borhan berkata mereka menyumbang sejumlah peralatan beribadah iaitu sejada, kain, Surah Yassin dan sebagainya kepada 25 saudara kita dari sekitar kawasan Sibu.<sup>68</sup>

Sumbangan lain pula ialah inisiatif PERKIM Miri menganjurkan program sumbangan kebajikan sempena bulan Ramadhan sebagai tanda keprihatinan masyarakat terhadap golongan kurang berkemampuan. Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Piasau Datuk Sebastian Ting berkata, program diadakan setiap tahun itu membantu meringan beban golongan memerlukan.<sup>69</sup>

### **3.6 KESIMPULAN**

Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) ini ialah satu badan bukan kerajaan (NGO) yang komited dalam menjalankan kerja-kerja yang fokusnya untuk membantu saudara sesama Islam sama ada yang dari awalnya Islam termasuk juga golongan saudara baru (mualaf). Pelbagai inisiatif dilakukan pihak PERKIM bagi membantu golongan sasaran ini semampu mereka. PERKIM telah ditubuhkan di rumah Tunku Abdul Rahman sendiri dan setelah itu, kerja-kerja dakwah mula dijalankan termasuk dakwah kepada golongan Cina.

Melalui kerja-kerja dakwah ini, PERKIM mempunyai badan-badan yang bekerjasama dengan mereka. Antaranya ialah MACMA yang fokusnya kepada golongan Cina dan USIA yang fokusnya kepada penduduk di Sabah. Pelbagai sumbangan yang telah disumbangkan oleh

---

<sup>68</sup> <https://www.pressreader.com>[25 Februari 2019]

<sup>69</sup> <https://www.pressreader.com> [25 Februari 2019]

PERKIM terutama kepada golongan yang memerlukan seperti golongan asnaf dan saudara baru.

## BAB 4

### PENGURUSAN SAUDARA BARU DI PERTUBUHAN KEBAJIKAN ISLAM MALAYSIA (PERKIM)

#### 4.0 PENGENALAN

Dapatan kajian adalah berkaitan dengan keputusan kepada sesuatu kajian. Dalam bab ini, keputusan kajian adalah berkaitan dengan analisis mengenai keberkesanaan dan bagaimana PERKIM menjalankan pengurusannya kepada saudara baru dan menghadapi cabaran-cabaran yang berpunca dari saudara baru itu sendiri. Kajian ini dilihat daripada pelbagai sudut iaitu dari sudut pengurusan dan dari sudut saudara baru.<sup>70</sup>

Dari sudut pengurusan dapat dilihat bagaimana sistem pengurusan yang diamalkan oleh PERKIM ketika mengurus dan menjalankan program mereka manakala dari sudut saudara baru pula ialah bagaimana saudara baru itu menghadapi pelbagai cabaran yang muncul dalam hidup mereka sebelum, semasa dan selepas memeluk Islam.<sup>71</sup>

---

<sup>70</sup> Siti Munirah Sayed Mohd Hamdan. 2019. Pegawai Dakwah PERKIM, Kuala Lumpur. Temubual 24 Januari 2019.

<sup>71</sup> Ibid, Temubual 24 Januari 2019.

#### **4.1 PENGURUSAN PERKIM TERHADAP SAUDARA BARU PADA PERINGKAT AWAL PENGISLAMAN MEREKA**

Dari segi dakwah, PERKIM membantu saudara baru semasa proses pengislaman mereka. Pelbagai cabaran yang harus golongan saudara baru ini hadapi setelah memeluk Islam. Saudara baru tidak dapat diterima di tempat kerja kerana syarikat tidak menerima pekerja yang beragama Islam. Keluarga tidak dapat menerima dan menghalau mereka daripada rumah. Ada juga antara mereka yang terpaksa menyorokkan identiti mereka sebagai Islam, kena hentam dan terpaksa melarikan diri dari samseng. Menjadi masalah juga apabila pasangan yang sudah berkahwin dan seorang sahaja yang ingin memeluk agama Islam dan seorang lagi tidak. Perkara akan bertambah rumit jika mempunyai anak kerana harus menentukan siapa yang berhak untuk menjaga anak tersebut. Dari segi kebajikan pula, PERKIM mengadakan kelas mengajar mengenai Islam dan melakukan aktiviti luar seperti ziarah dan sebagainya.<sup>72</sup>

#### **4.2 FAKTOR-FAKTOR PENYEBAB PENGISLAMAN SAUDARA BARU**

Kebiasaannya faktor pengislaman saudara baru ini ialah perkahwinan. Sebab lain lagi ialah mendapat hidayah Sebagai contoh berkawan daripada kecil dengan orang Islam dan mempunyai tanda-tanda mahu memeluk agama Islam. Namun proses pengislaman hanya boleh dilakukan setelah menginjak usia 18 tahun dan di bawah usia harus mempunyai keizinan ibu bapa atau penjaga. Kes ini antara yang kerap terjadi kerana dari awal sudah ada tanda-tanda untuk memeluk agama Islam.<sup>73</sup>

---

<sup>72</sup> Ibid, Temubual 24 Januari 2019.

<sup>73</sup> Ibid, Temubual 24 Januari 2019.

Selain daripada itu berkaitan dengan pelajar universiti yang mempunyai kawan-kawan yang Melayu beragama Islam. Pelajar yang bukan beragama Islam ini terpikat dan suka akan agama Islam melaui kawannya yang beragama Islam. Sebagai contoh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM) dan universiti-universiti lain yang pelajarnya mempunyai pelbagai penganut. Orang bukan Islam ini melihat orang Islam ini sebagai contoh. Sebab itu pentingnya orang Islam itu sendiri menunjuk contoh yang baik bagaimana Islam itu sendiri pada yang bukan Islam.<sup>74</sup>

#### **4.3 KADEAH YANG DIGUNA PAKAI OLEH PIHAK PERKIM DALAM MEMBANTU GOLONGAN SAUDARA BARU**

Pihak PERKIM mengadakan kelas dan kursus intensif. Jika pihak JAWI atau jabatan-jabatan lain ada membuat sesuatu kursus sebagai contoh, kursus percuma untuk saudara baru yang mahu membuat kek. Pihak Perkim akan menghantar saudara baru yang berminat untuk menyertai kursus tersebut. Jadi saudara baru ini bukan semata-mata belajar bab Islam sahaja tetapi juga belajar bab kemahiran untuk masa depan mereka. Pihak PERKIM juga akan menyalurkan bantuan jika mereka memerlukan. Sebagai contoh jika mereka hendak bermiaga pihak PERKIM akan membantu dari segi kewangan misalnya. Jika mereka sakit atau susah pihak PERKIM akan hadir untuk menziarahi. Di sini menunjukkan pihak PERKIM akan sedaya upaya membantu selagi masih di dalam kemampuan pihak mereka.<sup>75</sup>

---

<sup>74</sup> Ibid, Temubual 24 Januari 2019.

<sup>75</sup> Ibid, Temubual 24 Januari 2019.

Pihak PERKIM juga ada membantu melalui saluran. Hal ini seperti sesetengah saudara baru ada perkara yang mereka kurang tahu seperti saudara baru itu mempunyai hak untuk mendapat zakat tetapi mereka tidak tahu untuk mendapatkannya di mana. PERKIM akan bantu dari segi pendaftaran mereka. Ada juga keluarga saudara baru yang kurang mampu untuk menghantar anak-anak ke sekolah. PERKIM akan cuba mencari sekolah yang menanggung pelajar di bawah Lembaga Zakat.<sup>76</sup>

Ada juga kes yang pihak PERKIM terlepas pandang. Selalunya jika saudara baru selalu '*keep in touch*' dengan pihak PERKIM ia akan memudahkan mereka namun jika mereka masuk Islam tetapi membawa diri ianya di luar kemampuan pihak PERKIM sendiri kerana bilangan saudara baru terlalu ramai untuk diuruskan.<sup>77</sup>

#### **4.4 MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI OLEH PIHAK PERKIM DALAM MENGURUSKAN SAUDARA BARU**

Antara punca-punca masalah yang dihadapi oleh pihak perkim adalah daripada warga asing. Warga asing yang duduk di Malaysia dan mempunyai niat untuk masuk Islam. Mereka tidak mempunyai visa serta passport yang telah tamat tempoh menyukarkan pihak PERKIM untuk menguruskannya. Pihak PERKIM mampu untuk membantu dari segi pengislaman mereka tetapi tidak dapat mendaftar bagi pihak mereka. Jadi sebarang bantuan sukar untuk disalurkan. Kes sebegini adalah antara kes yang kerap terjadi.<sup>78</sup>

---

<sup>76</sup> Ibid, Temubual 24 Januari 2019.

<sup>77</sup> Ibid, Temubual 24 Januari 2019.

<sup>78</sup> Ibid, Temubual 24 Januari 2019.

Selain daripada itu, percintaan yang berlainan agama, berkahwin dan mempunyai anak. Anak-anak tidak didaftarkan ke Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Jadi pihak PERKIM harus menguruskan mereka daripada awal. Mereka perlu dinikahkan semula mengikut prosedur yang betul dan anak-anak didaftarkan ke JPN.<sup>79</sup>

#### **4.5 KESIMPULAN**

Pelbagai masalah dan cabaran dihadapi ketika menguruskan saudara baru. Pihak PERKIM mengatur dan cuba melaksanakan pelbagai program mengikut kemampuan mereka. PERKIM tidak pernah berputus asa dalam membimbing saudara baru yang memerlukan bantuan daripada pihak PERKIM. PERKIM sedaya upaya mencuba untuk mencari penyelesaian bagi setiap permasalahan bagi memastikan setiap gerak kerja dapat dijalankan dengan baik.

---

<sup>79</sup> Ibid, Temubual 24 Januari 2019.

## **BAB 5**

### **RUMUSAN DAN CADANGAN**

#### **5.0 PENGENALAN**

Bab ini menyatakan rumusan berkenaan kajian yang telah dilakukan melihat kepada sudut saudara baru itu sendiri dan bagaimana pihak PERKIM menjalankan tanggungjawab mereka dalam menguruskan saudara baru. Pelbagai kaedah yang dilaksanakan oleh pihak PERKIM untuk mencapai objektif pertubuhan mereka sekaligus membela nasib golongan saudara baru ini. Kajian yang dilaksanakan ialah kajian kualitatif iaitu kajian perpustakaan dan kajian lapangan.

Melalui kajian perpustakaan ini, penyelidik mengkaji melaui kajian-kajian yang lepas yang telah dilakukan. Perkara ini adalah bagi mendapatkan fakta-fakta yang kukuh berkenaan dengan saudara baru atau mualaf. Sebagai contoh, takrif mualaf atau kedudukan mualaf itu sendiri di dalam Islam yang kurang diketahui oleh masyarakat. Kajian lapangan pula dapat disimpulkan berkenaan dengan usaha PERKIM dalam menjalankan aktiviti-aktiviti mereka supaya dapat membantu golongan saudara baru atau mualaf ini.

## **5.1 RUMUSAN KAJIAN**

Melalui metod-metod yang dijalankan iaitu kajian perpustakaan dan kajian lapangan penyelidik mendapati pelbagai alasan yang dihadapi baik dari segi saudara baru atau pihak PERKIM. Melalui kajian-kajian lepas berkenaan dengan saudara baru, penyelidik mendapati masih banyak masyarakat tidak dapat memahami maksud mualaf itu yang sebenarnya. Malah, perkataan mualaf itu menjadi tiket untuk mereka disisihkan oleh masyarakat Islam itu sendiri.

Selain daripada itu, golongan ini juga mendapat tentangan daripada kaum kerabat atau orang yang terdekat semasa mereka masih belum Islam. Perkara sebegini menyebabkan golongan saudara baru atau mualaf ini berasa lemah dalam kehidupan mereka dan perkara sebegini yang menyebabkan mereka ingin kembali ke agama asal kerana kurangnya sokongan untuk mereka terus kuat sebagai seorang Islam.

Melalui kajian lapangan iaitu temubual yang dijalankan pula bersama pihak PERKIM sendiri dapat dirumuskan PERKIM menghadapi pelbagai masalah yang pelbagai berpunca daripada saudara baru itu sendiri. Namun, perkara-perkara sedemikian tidak menghentikan usaha mereka untuk terus membantu bukan sahaja golongan saudara baru malah golongan-golongan yang memerlukan juga.

## **5.2 CADANGAN KAJIAN**

Terdapat pelbagai perkara yang pihak PERKIM dapat jalankan untuk lebih membantu golongan saudara baru ini pada masa depan. Antaranya ialah :

### **5.2.1 Menyediakan Rumah Penempatan Sementara**

Hal ini adalah kerana kes yang kerap berlaku kepada golongan saudara baru ialah mereka dihalau oleh keluarga sendiri selepas memeluk Islam dan tidak mempunyai tempat perlindungan. Jadi pihak PERKIM boleh membantu dari segi tempat perlindungan sementara sehingga mereka mampu berdikari sendiri.

### **5.2.2 Memberikan Didikan secara ‘*Personal*’**

Perkara ini adalah kerana tidak semua golongan ini bersikap terbuka. Mungkin ada yang pada awalnya malu untuk mempelajari sesuatu berkaitan Islam. Jadi pihak PERKIM boleh mendekati golongan sebegini dengan menghantar individu yang sepatutnya dan mengajar mereka secara ‘*personal*’.

### **5.3 PENUTUP**

Secara tuntasnya, golongan saudara baru ini dapat dibantu jika mereka memberikan kerjasama yang baik kepada pihak yang bertanggungjawab termasuk PERKIM. Pihak yang bertanggungjawab harus bekerjasama untuk memastikan golongan ini mendapat hak mereka yang sepatutnya. Masyarakat Islam juga harus memainkan peranan penting dalam membantu saudara sesama Islam agar golongan ini tidak merasa tersisih di dalam agama mereka sendiri.

Berdasarkan kajian yang diberikan, hal tersebut menjelaskan pihak PERKIM harus memikirkan segala inisiatif yang berbeza dari sebelumnya supaya segala keperluan saudara baru berjaya diberikan.

## BIBLIOGRAFI

Al-Quran.

Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan.

Adam Corrie (2015), *Ada Iman, Baru Syok, Ada Fight*, Mustread Sdn Bhd, Selangor.

Yussamir Yusof (2010), *Akidah Kita Nyawa Kita*, Grup Buku Karangkraf Sdn Bhd, Selangor.

Sulaiman Dufford (2010), *Liku-liku Pencarian Nur Islam*, Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad, Kuala Lumpur.

Ahmad Yunus Kasim, Samsuddin Abdul Hamid & Misnan Jemali (2017), *Jurnal Perspektif : Pengajaran Akidah dalam Kalangan Mualaf di Institut Dakwah Islamiyah PERKIM*, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Irwan, M.S. Azman, A.R. Mahazan, A.M. Nuradli Ridzwan Shah, M.D, Wan Mohd. Fazrul Azdi, W.R, Rose Irnawaty, Ibrahim, Siti Nurunnajwa Shamsudin, Nusaibah Anuar Musaddad, Norlina Ismail (2015), Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa, *Penerimaan Penggunaan Istilah Mualaf dalam Kalangan Mualaf di Malaysia*, Vol.6.

Siti Fatimah Salleh, Nadhirah Nordin, Siti Khatijah Ismail & Siti Hajar Mohamad Yusoff (2018), *Cabaran dan Implikasi Pengurusan Dokumentasi Saudara Baru*, Prosiding Seminar Antarabangsa al-Quran dalam Masyarakat Kontemporari 2018, Universiti Sultan Zainal Abidin.

Anuar Puteh, Abdul Ghafar Hj Don, Razaleigh Muhamat@Kawangit, Badlihisham Mohd Nasir, Yusmasayu Abdullah, *Seminar Antarabangsa Dakwah dan Etnik*, 2014.

Siti Munirah Sayed Mohd Hamdan. 2019. Pegawai Dakwah PERKIM, Kuala Lumpur. Temubual 24 Januari 2019.

<https://www.perkim.net.my>[6 Mac 2019]

<https://www.perkim.net.my>[23 Desember 2018]

<https://www.macma.my>[6 Januari 2019]

<http://www.usia.com.my>[4 Februari 2019]

<https://www.mstar.com.my>[22 Februari 2019]

<https://www.bharian.com.my>[22 Februari 2019]

<https://www.pressreader.com> [25 Februari 2019]

## LAMPIRAN



Temubual pada 24 Januari 2019 bersama Pegawai Dakwah PERKIM HQ, Saudari Siti Munirah Sayed Mohd Hamdan.

# MUBALIGH SAUDARA BARU

Ustaz Amran Islamkan hampir 5,000 mualaf sejak 1997 termasuk selebriti

## RENCANA

**Mohd Syahril Rosdi  
Ahmad Zahidi**  
rencana@hmetro.com.my

Sebelum memeluk Islam, lelaki ini pernah menganggap agama Islam hanya milik masyarakat Melayu. Namun, dengan hidayah Allah akhirnya beliau memeluk Islam 30 tahun lalu.

Kecintaannya terhadap agama Islam cukup mendalam hingga mendorongnya melanjutkan pelajaran di Pondok Dusun Pelaga Pujud, Pattiari selama tiga tahun. Kemudian ke Pondok Pasir Tumbuh, Kelantan selama empat tahun bagi mendalami Islam.

Amran Anbarasu Abdullah kemudian ditawarkan jawatan sebagai Penolong Pegawai Dakwah di Pertubuhan Kebajikan Islam (PERKIM) selepas menjadi peserta terbaik Kursus Intensif Peningkatan Islam PERKIM pada 1995.

Pelbagai usaha dilakukan untuk pembangunan mualaf dan masyarakat Islam hingga akhirnya beliau diberikan pengiktirafan menerusi Anugerah Tokoh Saudara Muslim 2018 peringkat

kebangsaan, baru-baru ini. Anugerah disampaikan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Daruk Dr Asyraf Wajdi Dasuki berserta wang tunai RM5,000.

Mesa disapa Ustaz Amran, beliau yang sudah 20 tahun terbabit dalam bidang dakwah berjaya melahirkan ramai saudara baru.

Katanya, beliau sudah mengislamkan hampir 5,000 mualaf sejak 1997 termasuk selebriti, Adam Corrie Lee Abdullah dan Pengurus Multiracial Revered Muslim (MRM), Firdaus Wong Wai Hung.

"Tugas saya di Unit Perancangan, Penyelarasan dan Pelaksanaan (UPPP) PERKIM adalah menyampaikan dakwah dan ilmu agama Islam kepada saudara baru.

"Selain itu, saya juga menjadi tempat rujukan utama mualaf yang memerlukan bantuan, kaunseling, kebajikan dan pendidikan," katanya.

Jelasnya, beliau tidak menyangka diberikan anugerah sedemikian kerana dia yang lebih hebat dan layak untuk menerimanya.

"Anugerah ini menjadi pembakar semangat saya untuk lebih aktif dalam



BERKONGSI pengalaman mengenai penghijrahannya dalam ceramah.

PERTUBUHAN KEBAJIKAN ISLAM MALAYSIA  
بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ  
MUSLIM WELFARE ORGANISATION MALAYSIA

menyebarluaskan sylar Islam bagi menarik lebih ramai memeluk agama ini dan melahirkan pendakwah saudara baru," katanya.

Untuk rekod, Amran pernah menerima Anugerah Khas Maulidur Rasul peringkat Wilayah Persekutuan pada 2014 dan Tokoh Pendakwah Maal Hijrah 1439H peringkat Pulau Pinang.

Beliau kini menyandang jawatan Pengurus Pertubuhan Mualaf Malaysia.



AMRAN (kanan) menerima anugerah disampaikan DR Asyraf Wajdi

Harian Metro – Mubaligh Saudara Baru : Ustaz Amran Islamkan hampir 5,000 mualaf.

# Pemurnian ibadah mualaf Iban institusi

Oleh MOHD. SYAHRIL ROSDI  
AHMAD ZAHUDI

**E**RA teknologi dan globalisasi masa kini menyaksikan pelbagai cabaran dan halangan perlu dihadapi umat Islam, justeru usaha melahirkan saudara Muslim yang berilmu dan memahami Islam secara mendalam adalah penting.

Ia bagi mengelakkan umat Islam terutama golongan yang baru mengenal Islam terpengaruh dengan pelbagai cabar bertentangan dengan syariat Islam.

Sehubungan itu, Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim) Bahagian Wilayah Persekutuan baru-baru ini mengadakan Program Pemurnian Ibadah Saudara Muslim Iban bertempat di Bangunan Perkim, Kuala Lumpur.

Program disertai seramai 30 peserta kaum Iban yang menetap di Kuala Lumpur dalam tempoh lebih lima tahun dan majoriti daripada mereka telah memeluk Islam lebih dari tiga tahun.

Pegawai Dakwah Perkim Bahagian Wilayah Persekutuan, **Mohd. Jogi Maruli Panjaitan** berkata, program yang julung diadakan itu memberi fokus kepada masyarakat Iban

PROGRAM memberi peluang kepada kaum Iban menambah pengetahuan dan menimba pengalaman, sekali gus mempertingkat kefahaman mengenai Islam supaya dapat mempraktikkannya dalam kehidupan seharian

BUKAN sahaja memupuk ukhuwah sesama peserta, program juga mampu memantapkan lagi keimanan dan keperbadian Muslim serta memperbaiki cara hidup mereka dengan panduan Islam sebenar.



PESERTA dan tetamu kehormat bergambar kenangan pada akhir Program Pemurnian Ibadah Saudara Muslim.

Sarawak.

“Menjadi tanggungjawab Perkim menganjurkan program itu memandangkan terdapat ramai dalam kalangan etnik Iban yang perlu digilap ilmu dan ibadah mereka. Ia merupakan antara inisiatif untuk menghimpunkan peserta di sekitar Kuala Lumpur meningkatkan kefahaman Islam dan mengaplikasikan pelajaran diajar,” katanya.

Program berkala itu merupakan program ketiga dianjurkan selepas Program Pemantapan Akidah Saudara Muslim India pada Ogos dan Pemurnian Ibadah Saudara Muslim Cina pada Oktober lalu.

Mohd. Jogi berharap program tersebut menjadi contoh ikutan kepada Perkim bahagian atau cawangan manu pun agensi-agensi agama, masjid dan surau bagi memperkasakan akidah serta ibadah mualaf Iban.

Penyampaian slot ceramah dan soal jawab bertajuk, ‘Pemurnian Ibadah’ merupakan program utama yang disampaikan oleh Pendakwah Iban, **Muhammad Adam Lawrence Bana**.

Beliau turut menjawab persoalan yang diajukan oleh peserta mengenai hukum-hukam, bab solat, akhlak, dan fardu ain.

“Hanya Hari Gawai sahaja yang boleh disambut oleh



**MOHD. JOGI MARULI PANJAITAN**

masyarakat Iban Muslim mengikut cara yang berlandaskan syarak kerana kebanyakannya adat resam dan cara hidup etnik tersebut bercanggah dengan hukum Islam,” jelas Muhammad Adam.

Program tersebut dirasmikan oleh Naib Pengurus Perkim Wilayah Persekutuan, Datuk Abdul Hanif Harun. Yang turut hadir, pemudah cara program, Muhammad Farhan Tee Abdullah, Siti Munirah Sayed Mohd. Hamdan dan Fatin Farhana Masdan.

## MEMPRAKTIK IBADAH

Sementara itu, Pengurus Biro Dakwah Perkim Bahagian Wilayah Persekutuan, **Amran Anbarasu Abdullah** berkata, selain memupuk semangat kekeluargaan antara saudara Muslim berbangsa Iban, Perkim juga menyediakan ruang untuk peserta mendalami Islam secara lebih berkesan melalui pendekatan dan penggunaan bahasa ibunda (Iban).

“Program itu adalah antara platform memberi bimbingan kerohanian yang bersifat praktikal dan mudah dilaksanakan seperti amalan Rukun Islam, Rukun Iman dan rukun solat,” katanya.

Beliau turut menyarankan,



**Selain memupuk semangat kekeluargaan antara saudara Muslim berbangsa Iban, Perkim juga menyediakan ruang untuk peserta mendalami Islam secara lebih berkesan melalui pendekatan dan penggunaan bahasa ibunda (Iban).“**

saudara Muslim agar mengikuti kelas pengajian harian anjuran Perkim bahagian dan cawangan secara percuma supaya mereka dapat lebih mendalami agama Islam.

“Peranan organisasi-organisasi Islam bukan sekadar hanya memberi kalimah syahadah tetapi wajib memelihara kalimah tersebut hingga akhir hayat.

“Perkim juga menyediakan ruang dan peluang kepada peserta bagi membincangkan masalah-masalah yang dihadapi mereka melalui bengkel dan ceramah soal jawab di dalam program itu secara tidak langsung dapat mengenal pasti permasalahan besar dihadapi oleh mereka,” jelasnya.

Program Pemurniaan Ibadah Mualaf Iban, PERKIM Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

**Mohd Syahril Rosdi**  
**Ahmad Zahudi**  
rencana@hmetro.com.my

Dalam kesibukan menganjurkan pelbagai aktiviti dan program keagamaan, ramai sering terlupa masih ada mualaf tidak diterapkan dakwah susulan selepas mereka mengamut Islam.

Ini menyebabkan mutakhir ini mualaf termasuk masyarakat Islam mengabaikan hal berkaitan agama khususnya akidah dan solat. Paling dibimbangi ialah murtad.

Berikut itu, Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Wilayah Persekutuan mengajurkan Kursus Pemantapan Akidah Mualaf India di Bangunan PERKIM, Jalan Sultan Azlan Shah, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Kursus itu menghimpunkan 60 Saudara Muslim berketurunan India dari seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan sebahagian besar peserta memeluk Islam lebih dua tahun.

Pegawai Dakwah

PERKIM Bahagian Wilayah Persekutuan Mohd Jogi Maruli berkata, kursus itu menjadi medan mengumpulkan Saudara Muslim di sekitar ibu negara dengan objektif memantapkan kefahaman peserta mengenai Islam.

"Selain memupuk semangat kekeluargaan dalam kalangan Saudara Muslim berbangsa India, kami juga menyediakan ruang untuk peserta mendalamkan Islam secara lebih mendalam melalui penggunaan bahasa Ibhutia (Tamil) bagi melancarkan komunikasi dan kefahaman," katanya.

Ia memberi pendedahan dan latihan secara teori dan praktikal mengenai akidah dan solat serta amalan kehidupan Islam sehari-hari.

La bukan sahaja memupuk semangat ukhuwah peserta, malah berperluang memperkenalkan keimanan dan keperibadian Muslim dalam semua aktiviti.

Menurut Mohd Jogi, tanpa disedari kita lebih berbangga dengan program berbentuk teori sedangkan ia kurang memberi impak kepada pendidikan mualaf,

menyebabkan mereka tidak mampu menguasai ilmu agama serta bacaan dalam solat.

Program itu turut memberi kekuatan kepada mualaf menghadapi pelbagai masalah pada zaman kini dan membuka peluang kepada mereka untuk mengenal antara satu sama lain serta berkongsi pengalaman.

Program dimantapkan dengan ceramah bertajuk Akidah yang disampaikan

ZAINUDDIN (dua dari kir) mengajar ilmu fardu ain.



PESERTA merakamkan gambar kenang-kenangan pada akhir kursus.



PERKIM  
Wilayah  
Persekutuan  
anjur kursus  
disampaikan  
dalam bahasa  
Tamil

# MANTAPKAN AKIDAH MUALAF INDIA



PERTUBUHAN KEBAJIKAN ISLAM MALAYSIA  
PERKIM  
MUSLIM WELFARE ORGANISATION MALAYSIA



AMRAN Anbarasu



MOHD Jogi

Solat.

Amran yang juga Pengurus Biro Dakwah PERKIM Wilayah Persekutuan Amran Anbarasu Abdulla berkata, kebelakangan ini banyak kes mualaf yang baru melafazkan ikrar dua kalimah syahadah terbalik menyebabkan mereka kembali ke agama asal.

Sementara itu, Pengurus Biro Dakwah PERKIM Wilayah Persekutuan Amran Anbarasu Abdulla berkata, kebelakangan ini banyak kes mualaf yang baru melafazkan ikrar dua kalimah syahadah terbalik menyebabkan mereka kembali ke agama asal.

Program itu antara

platform memberi

bimbingan kerohanian

bersifat praktikal dan

mulat dilaksanakan

seperti Rukun Islam,

Rukun Iman dan Rukun

PERKIM Kebangsaan berkata, usaha dakwah itu penting bagi melahirkan peserta berilmu, berakhlik mulia, berketramplin dan bertanggungjawab.

Beliau turut menyarankan agar Saudara Muslim mengikuti kelas pengajian harian anjuran PERKIM secara percuma agar mereka dapat mendalamkan Islam yang dikendalikan guru bertaullah.

"Peserta juga perlu mengikuti kursus anjuran Jabatan Agama Islam, Majlis Agama Islam, badan bukan kerajaan bagi mempertingkatkan ilmu agama," katanya selepas merasmikan kursus itu.



Program Pemantapan Akidah Mualaf India, PERKIM Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.